



# LAPORAN TAHUNAN 2011

SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA



PERKHIDMATAN AWAM DINAMIK  
PEMACU KECEMERLANGAN

# KANDUNGAN

■	Perutusan Pengerusi	2
■	Ringkasan Eksekutif	4
■	Latar Belakang	7
■	Ahli-Ahli Suruhanjaya	10
■	Urus Setia Suruhanjaya	17
■	Urusan Pelantikan	22
■	Urusan Perkhidmatan	56
■	Urusan Kenaikan Pangkat dan Tatatertib	67
■	Aktiviti-aktiviti Suruhanjaya	73
■	Bajet	81
■	Keratan Akhbar	84
■	Program Inovasi dan Kreativiti	86
■	Aktiviti Sukan dan Sosial Warga SPA	98
■	Penghargaan	108

# PERUTUSAN PENGERUSI



## PERUTUSAN Pengerusi

Bersyukur saya kehadiran Allah SWT kerana dengan izinNya jua, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia (SPA) telah dapat melaksanakan fungsi-fungsinya mengikut peruntukan Perkara 144(1) Perlembagaan Persekutuan dengan jayanya pada tahun 2011. Sebagai Pihak Berkuasa Melantik (PBM) yang bertanggungjawab menguruskan pelantikan pegawai-pegawai awam dalam Perkhidmatan Awam Am Persekutuan, cabaran utama yang dihadapi oleh Suruhanjaya ini adalah untuk memilih pegawai awam yang terbaik di kalangan calon yang baik bagi melaksanakan agenda pembangunan negara.


Sejajar dengan hasrat kerajaan untuk meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan kepada rakyat, SPA telah memperkenalkan penggunaan MyID dan Kata Laluan di dalam Borang Pendaftaran Pekerjaan di Sektor Awam (SPA8i) mulai 21 Februari 2011. Kaedah ini diperkenalkan untuk menjaga keselamatan maklumat pemohon dan memudahkan urusan pelanggan yang berminat memohon jawatan dalam perkhidmatan awam. Penggunaan MyID dan Kata Laluan ini juga memudahkan calon mengemaskini maklumat dan membuat semakan status permohonan pada bila-bila masa.

Dalam tahun 2011, SPA juga telah berjaya melakar sejarah apabila mendapat Penarafan Portal Lima (5) Bintang dalam penilaian yang dibuat oleh Multimedia Development Corporation (MDeC). Sebanyak 1,091 Portal telah dinilai dan SPA mendapat tempat ke-13 daripada 285 Agensi/kementerian/Jabatan yang mendapat penganugerahan tersebut. Pencapaian ini adalah amat membanggakan SPA dan ia melalui usaha dalaman pegawai-pegawai ICT dan warga SPA seluruhnya tanpa bantuan pihak perunding swasta.

Sepanjang tahun 2011, seramai 1,123,692 calon telah mengemukakan permohonan jawatan dengan SPA. Daripada jumlah tersebut, seramai 150,159 calon telah dipanggil temu duga dan 36,810 calon telah berjaya dilantik. Daripada jumlah yang dilantik, seramai 469 orang adalah calon yang mempunyai Ijazah Kelas Pertama atau CGPA 3.50 dan ke atas dan seramai 387 orang adalah calon yang mempunyai Diploma CGPA 3.50 ke atas. Dalam tempoh yang sama, seramai 37,141 pegawai telah disahkan dalam perkhidmatan, 30,902 pegawai diberi taraf berpencen dan seramai 117 pegawai telah merayu kenaikan pangkat. SPA juga telah memutuskan 44 kes tindakan tatatertib dan 391 kes rayuan tatatertib. Dalam tahun 2011, SPA telah mengadakan 38 kali Mesyuarat Suruhanjaya, 38 kali Mesyuarat Lembaga Rayuan Tatatertib dan 34 kali Mesyuarat Lembaga Rayuan Kenaikan Pangkat melibatkan 1,971 kertas Mesyuarat Suruhanjaya.

Laporan Tahunan SPA ini diharapkan dapat memberi gambaran dan menjelaskan fungsi, peranan dan aktiviti yang dijalankan oleh SPA sepanjang tahun 2011.

Selamat maju jaya dan salam hormat dari saya,



TAN SRI JAMALUDDIN BIN HJ. AHMAD DAMANHURI

# RINGKASAN EKSEKUTIF



**Ibu Pejabat SPA Putrajaya,**  
Suruhanjaya Perkhidmatan Awam  
Malaysia,  
Aras 6-10 Blok C7, Kompleks C,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan  
Persekutuan,  
62520 Putrajaya.



## RINGKASAN EKSEKUTIF

Laporan Tahunan SPA ini disediakan sebagai memenuhi peruntukan Perkara 146(1), Perlembagaan Persekutuan yang menghendaki Suruhanjaya menyediakan suatu laporan tahunan mengenai kegiatannya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan salinannya dibentangkan di kedua-dua Dewan Parlimen.

SPA telah ditubuhkan di bawah Perkara 139(1), Perlembagaan Persekutuan sebagai sebuah badan bebas yang dipertanggungjawabkan dengan fungsi melantik, mengesahkan, memasukkan ke dalam perjawatan tetap atau perjawatan berpencen, menaikkan pangkat, menukar dan menjalankan kawalan tatatertib ke atas anggota dalam perkhidmatan di bawah bidang kuasanya mengikut peruntukan Perkara 144(1).

Untuk membolehkan Suruhanjaya melaksanakan semua fungsi yang diamanahkan kepadanya, Perkara 139(4), Perlembagaan Persekutuan menetapkan ahlinya terdiri daripada seorang Pengerusi, seorang Timbalan Pengerusi dan tidak lebih 30 orang ahli (minimum 4 orang). Ahli Suruhanjaya dibantu oleh Urus Setia termasuk Urus Setia Cawangan Sarawak dan Urus Setia Cawangan Sabah yang diketuai oleh seorang Setiausaha.

Untuk tahun 2011, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam telah diperuntukkan sebanyak RM50,630,000.00. Daripada jumlah itu sebanyak RM17,415,700.00 untuk Emolumen; RM31,692,517.00 untuk Perkhidmatan dan Bekalan; dan RM1,272,224.00 untuk Aset dan RM249,559.00 untuk Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap. Perbelanjaan sebenar sehingga tarikh penutupan Akaun Awam adalah sebanyak RM44,212,911.31 atau 87.33%.

Di bawah maksud Tanggungan (T09), Suruhanjaya telah diluluskan peruntukan berjumlah RM7,731,600.00. Berdasarkan peruntukan ini, sebanyak RM3,550,00.00 untuk Emolumen; RM3,316,900.00 untuk Perkhidmatan dan Bekalan dan RM864,700.00 untuk Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap. Peruntukan yang telah dibelanjakan sehingga tarikh akaun awam tahun 2011 ditutup ialah RM5,316,601.40 atau 68.76%.

Urusan Suruhanjaya sepanjang tahun 2011 adalah seperti berikut:

BIL	PERKARA	JUMLAH
1.	<b>Permohonan</b> • Bilangan Permohonan Diterima	<b>1,123,692</b> pemohon
2.	<b>Pengambilan</b> • Bilangan Urusan Pengambilan	<b>318</b> kali
3.	<b>Pelantikan</b> • Bilangan Pelantikan Tetap  • Bilangan Pelantikan Kontrak	<b>19,854</b> calon  <b>16,956</b> calon
4.	<b>Pemilihan Pelatih</b> • Bilangan Pemilihan Pelatih Separa Perubatan	<b>9,693</b> calon
5.	<b>Urusan Perkhidmatan</b> • Bilangan Pengesahan Pelantikan • Bilangan Pendedahan Dalam Perkhidmatan • Bilangan Pelanjutan Tempoh Percubaan • Bilangan Pemberian Taraf Berpencen • Bilangan Kembali ke dalam Skim Perkhidmatan Terdahulu • Bilangan Pembatalan Tawaran Pelantikan • Bilangan Penamatan Perkhidmatan • Bilangan Pertukaran Perkhidmatan • Bilangan Penetapan Gaji Permulaan • Bilangan Pertukaran Sementara, Peminjamn dan Pertukaran Tetap • Bilangan Pelepasan Untuk Peminjam dan Pertukaran Pelantikan • Bilangan Pertukaran Pelantikan Melalui Pemberian Opsyen	<b>31,179</b> pegawai <b>37,141</b> pegawai <b>1,424</b> pegawai <b>30,902</b> pegawai <b>12</b> pegawai <b>10</b> pegawai <b>167</b> pegawai <b>114</b> pegawai <b>2,266</b> pegawai <b>1,057</b> pegawai <b>344</b> pegawai <b>3,264</b> pegawai
6.	<b>Urusan Kenaikan Pangkat dan Tatatertib</b> • Bilangan Kenaikan Pangkat  • Bilangan Rayuan Kenaikan Pangkat • Bilangan Tindakan Tatatertib • Bilangan Rayuan Tatatertib	<b>40</b> pegawai  <b>117</b> pegawai <b>44</b> Kes <b>391</b> Kes

Mesyuarat Suruhanjaya sepanjang tahun 2011 adalah seperti berikut:

BIL	PERKARA	JUMLAH
1.	<b>Mesyuarat</b> • Bilangan Mesyuarat Suruhanjaya  • Bilangan Mesyuarat Lembaga Rayuan Tatatertib  • Bilangan Mesyuarat Lembaga Rayuan Kenaikan Pangkat	<b>38</b> Kali  <b>38</b> Kali  <b>34</b> Kali

# LATAR BELAKANG



**Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia,**  
Urus Setia Cawangan Sabah,  
Aras 1, Blok A,  
Kompleks Pentadbiran Kerajaan  
Persekutuan Sabah,  
Jalan UMS/Sulaman, Likas,  
88450 Kota Kinabalu, Sabah.



## **PENUBUHAN**

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia telah ditubuhkan mengikut Perkara 139(1), Perlembagaan Persekutuan pada 31 Ogos 1957.

## **TUGAS SURUHANJAYA**

Selaras dengan Perkara 144(1), Perlembagaan Persekutuan, Suruhanjaya bertanggungjawab:

- melantik;
- mengesahkan;
- memasukkan ke dalam perjawatan tetap atau perjawatan berpencen;
- menaikkan pangkat;
- menukar; dan
- menjalankan kawalan tatatertib ke atas pegawai yang berada dalam perkhidmatan di bawah bidang kuasanya.

## **BIDANG KUASA**

Bidang kuasa Suruhanjaya meliputi:

- Pegawai Perkhidmatan Awam Am Persekutuan di bawah Perkara 132(1)(c), Perlembagaan Persekutuan;
- Anggota Perkhidmatan Awam Bersama yang am bagi Persekutuan dan bagi satu atau beberapa buah negeri yang ditubuhkan oleh undang-undang Persekutuan sebagai satu perkhidmatan awam di bawah Perkara 132(1)(f), Perlembagaan Persekutuan; dan
- Anggota Perkhidmatan Awam Negeri Melaka, Pulau Pinang, Negeri Sembilan dan Perlis.

## **KUASA SURUHANJAYA KE ATAS PERKHIDMATAN AWAM**

### **Negeri Melaka dan Pulau Pinang**

Kuasa Suruhanjaya ke atas pegawai dalam Perkhidmatan Awam Negeri Melaka dan Pulau Pinang diperuntukkan di bawah Perkara 139(1), Perlembagaan Persekutuan.

### **Negeri Sembilan**

Kuasa Suruhanjaya ke atas pegawai Perkhidmatan Awam Negeri Sembilan telah diberikan melalui *Public Services Commission (Extension of Jurisdiction) Enactment 1959 Negeri Sembilan* dan *Public Services Commission (Extension of Jurisdiction) Order, 1961 Negeri Sembilan* selaras dengan peruntukan Perkara 139(2), Perlembagaan Persekutuan yang telah diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri Sembilan. Suruhanjaya mempunyai bidang kuasa meliputi semua pegawai Perkhidmatan Awam Negeri Sembilan kecuali:

- Pengelola Bijaya Diraja;
- Juruiring kepada Yang di-Pertuan Besar;
- Setiausaha Sulit kepada Yang di-Pertuan Besar;
- Pegawai Kerani kepada Undang; dan
- Penghulu.

### **Negeri Perlis**

Selaras dengan peruntukan Perkara 139(2), Perlembagaan Persekutuan, kuasa Suruhanjaya ke atas pegawai Perkhidmatan Awam Negeri Perlis telah diberikan melalui *Public Services Commission (Extension of Jurisdiction) Enactment 1958 Negeri Perlis* dan *Public Services Commission (Extended Jurisdiction) Order, 1960 Negeri Perlis* yang diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri Perlis. Di bawah undang-undang ini, Suruhanjaya mempunyai bidang kuasa ke atas semua pegawai perkhidmatan awam Negeri Perlis kecuali:

- Pegawai Agama di Jabatan Hal Ehwal Agama dan Adat Istiadat Melayu;
- Pegawai dalam Bahagian IV;
- Penghulu dan Penolong Penghulu; dan
- Pekerja bergaji hari.

## **KUASA SURUHANJAYA YANG DIWAKILKAN**

Perkara 144(6), Perlembagaan Persekutuan membolehkan Suruhanjaya mewakili kuasanya kepada kementerian/jabatan dan pentadbiran negeri bagi melantik, mengesahkan dalam perkhidmatan dan memberi taraf berpencen. Setakat ini, perwakilan kuasa yang diberikan adalah seperti berikut:

- P.U. (B) 16 mewakili kuasa kepada Ketua Setiausaha Negara bagi melantik pegawai ke jawatan Setiausaha Sulit dan Setiausaha Akhbar Gred S41 kepada Menteri, Timbalan Menteri dan Setiausaha Parlimen;
- P.U. (B) 74 mewakili kuasa kepada Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan bagi pelantikan ke jawatan tertentu di Pentadbiran Negeri tersebut;
- P.U. (B) 496 mewakili kuasa kepada Ketua Setiausaha Kementerian / Ketua Jabatan untuk melantik, mengesahkan dalam perkhidmatan dan memberi taraf berpencen kepada pegawai dalam Kumpulan Sokongan II (Kumpulan D di bawah JKK).

## **PENUBUHAN PIHAK BERKUASA TATATERTIB DAN KENAIKAN PANGKAT**

Perkara 144(5B)(i), Perlembagaan Persekutuan serta Seksyen 3(3), *Public Services Commission (Extension of Jurisdiction) Enactment 1958* Negeri Perlis dan *Public Services Commission (Extension of Jurisdiction) Enactment 1959* Negeri Sembilan memperuntukkan bahawa semua kuasa dan tugas Suruhanjaya selain daripada kuasa membuat pelantikan pertama ke perjawatan tetap atau berpencen, boleh dijalankan oleh suatu lembaga yang dilantik oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong atau Raja Pemerintah negeri berkenaan.

Selaras dengan peruntukan tersebut, lembaga tatatertib dan lembaga kenaikan pangkat telah ditubuhkan di peringkat kementerian, jabatan dan pentadbiran negeri yang berkenaan bagi menjalankan sebahagian kuasa dan tugas Suruhanjaya berhubung kawalan tatatertib dan kenaikan pangkat.

## **WAKIL SURUHANJAYA DALAM SURUHANJAYA PASUKAN POLIS**

Selaras dengan Perkara 140(3), Perlembagaan Persekutuan, seorang Ahli Suruhanjaya iaitu YBhg. Datuk Salim Bin Hashim telah dipilih mewakili Suruhanjaya Perkhidmatan Awam dalam Suruhanjaya Pasukan Polis bermula dari 7 Disember 2009 sehingga kini.

# AHLI-AHLI SURUHANJAYA



**Suruhanjaya Perkhidmatan Awam  
Malaysia,**  
Urus Setia Cawangan Sarawak,  
Tingkat 10, Bangunan Sultan Iskandar,  
Jalan Simpang Tiga,  
93520 Kuching, Sarawak.



## **AHLI-AHLI SURUHANJAYA**

Ahli Suruhanjaya dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong di bawah Perkara 139(4), Perlembagaan Persekutuan. Ahli Suruhanjaya terdiri daripada seorang Pengerusi, seorang Timbalan Pengerusi dan tidak lebih 30 orang ahli biasa (minimum 4 orang). Dalam tahun 2011, Suruhanjaya dianggotai oleh:



**YBhg. Tan Sri Jamaluddin bin Haji Ahmad Damanhuri  
P.S.M., S.P.M.P., S.P.M.S., D.G.P.N., D.M.P.N., D.P.M.P., K.M.N.**

**Dari 01-03-2009 sehingga 28-02-2011 dan  
Dari 03-05-2011 sehingga 02-11-2011**



**YBhg. Dato' Ahmad bin Said  
D.P.M.T., D.S.P.N., A.S.M., K.M.N., A.M.T.**

**Dari 10-03-2008 sehingga  
09-03-2011**



**Tuan Haji Bujang Mohidin bin Haji Jol  
J.B.K., K.M.N., P.P.C., P.P.D, P.P.B.**

**Dari 01-04-2009 sehingga  
07-02-2011**



**YBhg. Datuk Haji Harith  
Munjong Yahya  
P.G.D.K., A.M.N.**

**Dari 01-04-2009 sehingga  
31-03-2011**



**Puan Hajah Siti Fatimah binti Abd.  
Majid  
A.M.N., A.D.K., B.S.K.**

**Dari 01-04-2009 sehingga  
31-03-2011**



**Puan Hajah Kasmah  
binti Mohd Shariff  
A.M.N.**

**Dari 02-01-2008 sehingga  
01-01-2011**



**Encik Chan Ah Loon  
K.M.N.**

**Dari 16-07-2008 sehingga  
15-07-2011**



**Puan Hajah Zaiton binti Mohd Shaharon  
K.M.N.**

**Dari 16-07-2008 sehingga  
15-07-2011**



**YBhg. Dato' Haji Luey bin Puteh  
D.I.M.P, D.S.M., K.M.N., A.M.N**

**Dari 01-08-2008 sehingga  
31-07-2011**



**YBhg. Datuk Kee Sue Sing  
P.J.N., K.M.N., A.M.N., P.J.K.**

**Dari 01-08-2008 sehingga  
31-07-2011**



**YBhg. Dato' Abdul Abas bin  
Abdul Rahman  
D.I.M.P, J.S.M., K.M.N., A.M.N.**

**Dari 01-08-2008 sehingga  
31-07-2011**



**Encik Tambi bin Abu Hasan  
D.S.M., K.S.D., A.M.N.**

**Dari 01-08-2008 sehingga  
31-07-2011**



**Encik Lim Kar Keng**

**Dari 01-08-2008 sehingga  
31-07-2011**



**Encik Thilaganaban S.Mariappen  
P.M.P, K.M.N.**

**Dari 01-08-2008 sehingga  
31-07-2011**



**Puan Thoong Lay Chooi**  
**D.J.N., A.M.N.**

**Dari 01-08-2008 sehingga**  
**31-07-2011**



**YBhg. Datuk Mohtar bin Abas**  
**P.J.N., D.S.P.N., S.D.K., D.J.N.,**  
**P.K.T., A.M.N., P.J.K.**

**Dari 13-10-2008 sehingga**  
**12-10-2011**



**YBhg. Ar. Noorisah binti Abd. Shukor**  
**J.S.D., K.M.N., A.M.N.**

**Dari 13-10-2008 sehingga**  
**12-10-2011**



**Puan Jaazah binti Jaafar**  
**J.S.M., K.M.N., A.M.N.**

**Dari 13-10-2008 sehingga**  
**12-10-2011**



**Encik Chua Toong Ka**  
**K.M.N.**

**Dari 13-10-2008 sehingga**  
**12-10-2011**



**YBhg. Datuk Haji Mustapha bin Naina Maricar**  
**P.G.D.K., J.S.M., A.S.D.K., A.M.N.**

**Dari 17-11-2008 sehingga**  
**16-11-2011**



**YBhg. Datuk Ignatius J. Bantoi  
P.G.D.K., A.M.N., A.S.D.K, B.S.K.**

**Dari 04-05-2009 sehingga  
03-05-2012**



**YBhg. Ir. Lee Soon Jin  
J.S.M., J.S.D.,P.M.P, A.M.N, A.S.K**

**Dari 04-05-2009 sehingga  
03-05-2012**



**Tuan Haji Aziz bin Othman  
A.M.N., P.C.M.**

**Dari 19-05-2009 sehingga  
18-05-2012**



**YBhg. Dato' Dr. Haji Ramlee  
bin Haji Rahmat  
D.I.M.P., D.N.S., K.M.N.**

**Dari 01-12-2009 sehingga  
30-11-2012**



**YBhg. Dato' Abd. Rahman  
bin Husin  
D.I.M.P., J.M.N., K.M.N.**

**Dari 01-12-2009 sehingga  
30-11-2012**



**YBhg. Datuk Salim bin Hashim  
P.J.N., D.S.N.S., J.S.D.**

**Dari 01-12-2009 sehingga  
30-11-2012**



**YBhg. Datin Norasmah  
binti Samsudin  
K.M.N.**

**Dari 01-12-2009 sehingga  
30-11-2012**



**Encik Perumal a/l Govindarajoo**

**Dari 01-12-2009 sehingga  
30-11-2012**



**YBhg. Datuk Haji Awang Nohin  
bin Awang Rauf  
P.G.D.K., A.S.D.K., A.D.K., A.M.N.**

**Dari 01-03-2010 sehingga  
28-02-2013**



**Tuan Haji Abdullah bin Jamil  
P.P.C., P.B.K., A.M.N., P.P.B., P.P.S.**

**Dari 01-10-2010 sehingga  
30-09-2013**



**YBhg. Datu Haji Mohammed Sepuan  
bin Anu  
D.J.B.S., J.B.S., J.B.K., J.S.M., P.P.B., A.B.S.**

**Dari 14-02-2011 sehingga  
13-02-2014**

# URUS SETIA SURUHANJAYA



**Pusat Temu Duga SPA Jalan  
Cenderasari**  
Suruhanjaya Perkhidmatan  
Awam Malaysia,  
Jalan Cenderasari  
50480 Kuala Lumpur



## Urus Setia Suruhanjaya

Urus Setia Suruhanjaya diketuai oleh seorang Setiausaha dibantu oleh dua (2) orang Timbalan Setiausaha, 12 orang Setiausaha Bahagian, seorang Penasihat Undang-Undang serta 524 orang pegawai pelbagai pangkat dan gred.

Urus Setia Suruhanjaya terletak di Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan Putrajaya; di Kota Kinabalu bagi Cawangan Sabah dan di Kuching bagi Cawangan Sarawak.

# CARTA ORGANISASI URUS SETIA SPA



SPA juga mempunyai pusat-pusat temu duga di lapan (8) buah negeri untuk melancarkan urusan Urus Setia Suruhanjaya dan untuk keselesaan calon. Pusat temu duga ini adalah merupakan *One Stop Centre* yang berkeupayaan untuk menyalurkan maklumat kepada pelanggan seperti pelajar-pelajar sekolah, Institusi Pengajian Tinggi Awam dan Swasta serta petubuhan-petubuhan. Pusat ini dilengkapi dengan infrastruktur moden dan lengkap dengan kemudahan dan peralatan bagi jawatan-jawatan yang mensyaratkan lulus ujian fizikal sebelum dipanggil temu duga.

Bagi memberi nilai tambah, pusat temu duga ini turut menjadi pusat rujukan bagi pelanggan dan orang awam mendapatkan perkhidmatan yang disediakan oleh SPA. Antaranya kemudahan permohonan jawatan secara online yang diberikan secara percuma. Pusat ini juga berperanan untuk memudahkan orang ramai mendapatkan panduan yang tepat mengenai jawatan yang bersesuaian berdasarkan kelayakan akademik melalui khidmat nasihat daripada pegawai bertugas. Panduan dan tatacara menghadiri temu duga anjuran SPA juga boleh didapati di pusat temu duga. Pusat-pusat temu duga SPA adalah terletak di negeri-negeri berikut:

- Kuala Lumpur;
- Alor Setar, Kedah;
- Kota Bharu, Kelantan;
- Sandakan dan Tawau, Sabah;
- Kuching, Miri dan Sibu, Sarawak;
- Johor Bahru, Johor;
- Ipoh, Perak; dan
- Kuantan, Pahang.

# Urus Setia Suruhanjaya



**YBhg. Dato' Lamien bin Sawiyo**  
Setiausaha  
D.S.A.P., D.M.S.M., J.S.M., K.M.N.



**YBhg. Datuk Ramli Bin Juhari**  
Timbalan Setiausaha (Pengambilan)  
D.P.S.M., S.D.K., K.M.N.,  
A.M.N., A.M.K.



**Puan Lim Mooi Eia**  
Timbalan Setiausaha (Perkhidmatan)  
S.M.S., J.M.W.



**Encik Zainal Abidin Bin Ahmad**  
Setiausaha Bahagian Pengambilan



**Encik Kamarudzzaman Bin Hassan**  
Setiausaha Bahagian Pengurusan  
Maklumat



**Encik Mohd Shaiful Bin Ibrahim**  
Setiausaha Bahagian Pengambilan  
Khas



**Cik Chan Hong Jin**  
Setiausaha Bahagian Perkhidmatan



**Puan Salmah Binti Idris**  
Setiausaha Bahagian Naik  
Pangkat dan Tatatertib



**Puan Faidzah Binti Arshad**  
Setiausaha Bahagian Peperiksaan



**Encik Shafarin Bin Nasuredin**  
Setiausaha Bahagian Urus Setia  
Mesyuarat



**Encik Mohd Nazri Bin Dollah**  
Setiausaha Bahagian Pengurusan



**Encik Mohd Saiful Sungkih  
Bin Abdullah**  
Setiausaha Bahagian Urus Setia  
Cawangan Sarawak



**Encik Anuar Bin Othman**  
Setiausaha Bahagian  
Urus Setia Suruhanjaya  
Perkhidmatan Kehakiman  
dan Perundangan



**Encik Musa Bin  
Sulaiman**  
Setiausaha Bahagian  
Urus Setia Cawangan  
Sabah



**Puan Khairiah Binti  
Ab. Rashid**  
Setiausaha Bahagian  
Dasar dan  
Perancangan



**Puan Nor Fadhilah Binti  
Ahmad**  
Penasihat Undang-Undang

# URUSAN PELANTIKAN



**Pusat Temu Duga SPA Kota  
Bharu, Kelantan**  
Tingkat G, 1 & 2, Lot 1211  
Jalan Pengkalan Chepa  
15400 Kota Bharu, Kelantan



فوسٽ تمو دوکا  
**PUSAT TEMU DUGA**  
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM  
MALAYSIA  
KOTA BHARU, KELANTAN



## URUSAN PELANTIKAN

Pelantikan, iaitu pelantikan tetap, sementara atau kontrak, merupakan satu daripada enam fungsi Suruhanjaya. Fungsi ini melibatkan Perkhidmatan Awam Am Persekutuan dan Perkhidmatan Awam Negeri Melaka, Pulau Pinang, Negeri Sembilan dan Perlis.

Urusan pelantikan yang dilaksanakan oleh Suruhanjaya adalah melalui Sistem Mengambil Sepanjang Masa (eSMSM). Di bawah sistem ini, calon boleh mendaftarkan permohonan mereka pada bila-bila masa sepanjang tahun tanpa menunggu iklan disiarkan. Urusan pengambilan bermula apabila Suruhanjaya menerima permohonan pengisian jawatan daripada kementerian/jabatan.

Pada tahun 2011, jumlah permohonan melalui SPA 8i (Online) menunjukkan penurunan sebanyak 32.4% iaitu sebanyak 1,123,692 berbanding pada tahun 2010 iaitu sebanyak 1,661,687. Daripada 1,123,692 jumlah permohonan yang diterima, seramai 150,159 (13.36%) calon berjaya melepasi tapisan dan dipanggil temu duga. Seramai 111,994 (9.96%) calon telah menghadiri temu duga dan daripada jumlah ini seramai 36,810 (3.28%) calon telah ditawarkan pelantikan secara tetap dan kontrak. Butiran terperinci adalah seperti di Jadual 1, Jadual 2, Carta 1 (a) dan Carta 1 (b). Jumlah pelantikan mengikut skim perkhidmatan yang diuruskan oleh Suruhanjaya bagi tahun 2011 pula adalah seperti di Lampiran A.

### JADUAL 1

PERMOHONAN JAWATAN MELALUI SISTEM MENGAMBIL SEPANJANG MASA (eSMSM) BAGI TAHUN 2010-2011

TAHUN	BORANG DITERIMA SPA 8i (Online)
2010	1,661,687
2011	1,123,692

### JADUAL 2


BILANGAN PERMOHONAN, CALON DIPANGGIL TEMU DUGA, CALON HADIR TEMU DUGA DAN CALON LANTIKAN TETAP & KONTRAK BAGI TAHUN 2011

STATUS LANTIKAN	JUMLAH PERMOHONAN (INDIVIDU)	BIL. CALON DIPANGGIL TEMU DUGA	BIL. CALON HADIR TEMU DUGA	BILANGAN LANTIKAN
LANTIKAN TETAP	1,106,736	133,203	96,038	19,854
LANTIKAN KONTRAK	16,956	16,956	16,956	16,956
<b>JUMLAH:</b>	<b>1,123,692</b>	<b>150,159</b>	<b>111,994</b>	<b>36,810</b>

Nota : Termasuk Perkhidmatan Awam Negeri Melaka, Pulau Pinang, Negeri Sembilan dan Perlis bagi Kumpulan Sokongan dan jawatan Separa Perubatan di Kementerian Kesihatan.


**CARTA 1 (a)**

BILANGAN PERMOHONAN, CALON DIPANGGIL TEMU DUGA, CALON HADIR TEMU DUGA DAN CALON DILANTIK BAGI TAHUN 2011



- Bilangan Permohonan
- Bilangan Calon Dipanggil Temu Duga
- Bilangan Calon Hadir Temu Duga
- Bilangan Calon Dilantik

**CARTA 1 (b)**  
PERATUS LANTIKAN TETAP DAN KONTRAK BAGI TAHUN 2011



Pada tahun 2011, daripada 1,123,692 jumlah permohonan sebanyak 893,292 (79.50%) orang adalah daripada kaum Melayu, 23,547 (2.10%) orang daripada kaum Cina manakala 36,729 (3.27%) orang daripada kaum India. Jika dibandingkan pada tahun 2010 permohonan daripada kaum Melayu berjumlah 1,330,743 (80.08 %) orang, permohonan daripada kaum Cina berjumlah 37,510 (2.26%) orang manakala permohonan daripada kaum India berjumlah 57,150 (3.44%) orang.

Pada tahun 2011, daripada 36,810 jumlah lantikan sebanyak 28,367 (77.06%) orang adalah daripada kaum Melayu, 3,686 (10.01%) orang daripada kaum Cina manakala 2,316 (6.30%) orang daripada kaum India. Jika dibandingkan pada tahun 2010, seramai 28,558 (64.40%) orang adalah daripada kaum Melayu, 2,325 (5.24%) orang daripada kaum Cina manakala 1,940 (4.37%) orang daripada kaum India. Jika diperhatikan, permohonan dan lantikan daripada semua kaum adalah mencatatkan penurunan disebabkan disebabkan pembekuan jawatan yang menyebabkan Kementerian/jabatan tidak mengemukakan permohonan. Ini selaras dengan hasrat kerajaan untuk mewujudkan perkhidmatan awam yang kejar. Maklumat permohonan dan calon dilantik mengikut kaum bagi tahun 2011 adalah seperti Jadual 3.

**JADUAL 3**

BILANGAN PERMOHONAN DAN CALON LANTIKAN TETAP MENGIKUT KAUM BAGI TAHUN 2011

<b>BIL.</b>	<b>KAUM</b>	<b>BILANGAN PERMOHONAN</b>	<b>BILANGAN LANTIKAN</b>
1.	MELAYU	893,292	28,367
2.	CINA	23,547	3,686
3.	INDIA	36,729	2,316
4.	BUGIS	10,491	81
5.	KADAZAN	12,764	236
6.	DUSUN	26,220	447
7.	MURUT	4,015	44
8.	RUNGUS	2,965	42
9.	BISAYA	3,260	55
10.	BAJAU	21,404	247
11.	IRRANUN	1,216	16
12.	SULUK	3,126	17
13.	IBAN	29,715	393
14.	MELANAU	9,849	148
15.	BIDAYUH	13,776	274
16.	ORANG ULU	2,735	30
17.	ORANG ASLI SEMENANJUNG	1,758	56
18.	LAIN-LAIN BUMIPUTERA SABAH	2,978	24
19.	LAIN-LAIN BUMIPUTERA SARAWAK	1,584	10
20.	*LAIN-LAIN	22,268	321
<b>JUMLAH:</b>		<b>1,123,692</b>	<b>36,810</b>

Nota: \* Lain-lain kaum termasuk keturunan Portugis, Siam, Khmer, Indonesia, Sri Langka dan Filipina.

Suruhanjaya sentiasa mengambil pelbagai inisiatif bagi menggalakkan kaum bukan Bumiputera untuk berkhidmat dengan sektor awam. Di antara langkah yang telah diambil oleh Suruhanjaya adalah seperti berikut:

- i) mengadakan pelbagai promosi kerjaya di tempat yang strategik seperti di Dewan Perhimpunan Cina Selangor (Hua Zong), Kuala Lumpur;
- ii) mengadakan sesi dialog dengan Presiden dan Ketua Negeri Persatuan Hua Zong;
- iii) mengadakan taklimat kerjaya khusus kepada pelajar-pelajar IPTA/IPTS;
- iv) mengeluarkan risalah kepada ketua masyarakat di kawasan bandar/ pedalaman untuk menarik calon-calon bukan bumiputera menyertai perkhidmatan awam; dan
- v) menyediakan soalan lazim (FAQ) dalam bahasa Cina dan Tamil dalam Portal SPA

**PELANTIKAN TETAP**

Pada tahun 2011, sejumlah 318 urusan pengambilan telah dilaksanakan bagi mengisi kekosongan pelbagai jawatan dalam Kumpulan Pengurusan dan Profesional dan Kumpulan Sokongan I dan II di kementerian/jabatan dan pentadbiran negeri yang terletak di bawah bidang kuasa Suruhanjaya.

Daripada 19,854 (53.94%) calon yang dilantik secara tetap, 7,007 (35.29%) calon adalah bagi jawatan Kumpulan Pengurusan dan Profesional, 6,282 (31.64%) calon bagi Kumpulan Sokongan I dan 6,565 (33.07%) calon bagi Kumpulan Sokongan II. Maklumat permohonan, calon dipanggil temu duga, calon hadir temu duga dan calon lantikan tetap adalah seperti di Jadual 4 dan Carta 2.

**JADUAL 4**


BILANGAN PERMOHONAN, CALON DIPANGGIL TEMU DUGA , CALON HADIR TEMU DUGA DAN CALON LANTIKAN TETAP BAGI TAHUN 2011

STATUS LANTIKAN	KUMPULAN JAWATAN	JUMLAH PERMOHONAN (INDIVIDU)	BIL. CALON DIPANGGIL TEMUDUGA	BIL. CALON HADIR TEMU DUGA	BILANGAN LANTIKAN
LANTIKAN TETAP	PENGURUSAN DAN PROFESIONAL (IJAZAH)	155,297	13,248	11,866	7,007
	SOKONGAN I (DIPLOMA)	153,502	15,784	13,883	6,282
	SOKONGAN II (SIJIL,SPM,PMR)	797,937	104,171	69,289	6,565
	<b>JUMLAH:</b>	<b>1,106,736</b>	<b>133,203</b>	<b>95,038</b>	<b>19,854</b>

Nota : Termasuk Perkhidmatan Awam Negeri Melaka, Pulau Pinang, Negeri Sembilan dan Perlis bagi Kumpulan Sokongan dan jawatan Separa Perubatan di Kementerian Kesihatan.

**CARTA 2**

PERATUS LANTIKAN MENGIKUT KUMPULAN JAWATAN BAGI TAHUN 2011



## PELANTIKAN CALON ORANG KURANG UPAYA (OKU)

Kerajaan telah menetapkan dasar pengambilan satu peratus (1%) peluang pekerjaan dalam perkhidmatan awam kepada OKU. Bagi calon OKU, Suruhanjaya telah memberikan keistimewaan iaitu tiada kriteria tambahan yang dikenakan ke atas mereka sebelum dipanggil temu duga dan pengecualian daripada menduduki peperiksaan khas bagi calon yang cacat penglihatan.

Pada tahun 2011, Suruhanjaya telah melantik seramai 53 calon OKU berdaftar ke pelbagai skim perkhidmatan. Daripada jumlah tersebut, seramai 4 calon kumpulan Pengurusan & Profesional, 6 calon kumpulan Sokongan I dan 43 calon Kumpulan Sokongan II telah dilantik. Maklumat keseluruhan bilangan permohonan calon OKU, ditemu duga dan dilantik bagi tahun 2011 adalah seperti di Jadual 5.

**JADUAL 5**

BILANGAN PERMOHONAN CALON OKU, DITEMU DUGA DAN DILANTIK BAGI TAHUN 2011

BIL.	KUMPULAN JAWATAN	PERMOHONAN	PANGGIL TEMU DUGA	HADIR TEMU DUGA	TAWARAN LANTIKAN
1.	Pengurusan & Profesional (Ijazah)	340	41	35	4
2.	Sokongan I (Diploma)	496	108	91	6
3.	Sokongan II (Sijil, SPM, PMR)	3,417	587	417	43
	<b>JUMLAH</b>	<b>4,253</b>	<b>736</b>	<b>543</b>	<b>53</b>

Berdasarkan jumlah tersebut, calon-calon OKU berdaftar yang dilantik adalah terdiri daripada 43 calon ketidakupayaan anggota, 3 calon pendengaran dan 7 calon penglihatan. Dari segi Kumpulan Jawatan pula, calon ketidakupayaan anggota mendominasi pelantikan Kumpulan Jawatan Pengurusan dan Profesional dan juga Kumpulan Sokongan II, masing-masing dengan 4 calon dan 37 calon. Calon ketidakupayaan penglihatan mendominasi pelantikan Kumpulan Sokongan I dan II masing-masing dengan 3 calon. Maklumat keseluruhan lantikan calon OKU berdasarkan kategori ketidakupayaan dan kumpulan jawatan bagi tahun 2011 adalah seperti di Jadual 6.

**JADUAL 6**

BILANGAN LANTIKAN BERDASARKAN KATEGORI KETIDAKUPAYAAN DAN KUMPULAN JAWATAN BAGI TAHUN 2011

BIL	JENIS KETIDAKUPAYAAN	Pengurusan & Profesional (Ijazah)	Sokongan I (Diploma)	Sokongan II (Sijil, SPM, PMR)	JUMLAH
1.	Anggota	3	3	37	43
2.	Pendengaran	-	-	3	3
3.	Penglihatan	1	3	3	7

Jumlah pelantikan OKU mengikut skim perkhidmatan yang diuruskan oleh Suruhanjaya bagi tahun 2011 adalah seperti di Jadual 7.

**JADUAL 7**  
**SENARAI JUMLAH PELANTIKAN OKU MENGIKUT SKIM PERKHIDMATAN**  
**BAGI TAHUN 2011**

<b>BIL</b>	<b>SKIM PERKHIDMATAN (Mengikut Susunan Abjad dan Gred)</b>	<b>PELANTIKAN 2011</b>
<b>KETIDAKUPAYAAN ANGGOTA</b>		
<b>KUMPULAN PENGURUSAN &amp; PROFESIONAL</b>		
1.	JURUAUDIT GRED W41	1
2.	PEGAWAI FARMASI GRED U41	2
<b>KUMPULAN SOKONGAN I</b>		
1.	PEREKA GRED B27	1
2.	PENOLONG JURUAUDIT GRED W27	1
3.	PENOLONG PEGAWAI LATIHAN VOKASIONAL GRED J29	1
<b>KUMPULAN SOKONGAN II</b>		
1.	JURUTEKNIK KOMPUTER GRED FT17	3
2.	PEGAWAI KHIDMAT PELANGGAN GRED N17	2
3.	PEMBANTU ARKIB GRED S17	1
4.	PEMBANTU MAKMAL GRED C17	2
5.	PEMBANTU PEMULIHAN GRED S17	1
6.	KETIDAKUPAYAAN ANGGOTA	
7.	JURUAUDIT GRED W41	1
8.	PEGAWAI FARMASI GRED U41	2
<b>KETIDAKUPAYAAN PENDENGARAN</b>		
<b>KUMPULAN SOKONGAN II</b>		
1.	JURUTEKNIK KOMPUTER GRED FT17	1
2.	PEMBANTU TADBIR (PERKERANIAN/OPERASI) GRED N17	1
3.	TUKANG MASAK GRD N17	1
<b>KETIDAKUPAYAAN PENGLIHATAN</b>		
<b>KUMPULAN PENGURUSAN &amp; PROFESIONAL</b>		
1.	PEGAWAI FARMASI GRED U41	1
<b>KUMPULAN SOKONGAN I</b>		
1.	PENOLONG PEGAWAI PERPUSTAKAAN GRED S27	1
2.	PENOLONG PEGAWAI TADBIR GRED N27	2
<b>KUMPULAN SOKONGAN II</b>		
1.	PEMBANTU TADBIR (PERKERANIAN/KOPERASI) GRED N17	3
<b>JUMLAH</b>		<b>53</b>

## PELANTIKAN KONTRAK

Selain lantikan tetap, SPA juga turut membuat pelantikan secara kontrak. Daripada 36,810 calon yang ditawarkan pelantikan seramai 16,956 (46.1%) adalah calon yang ditawarkan lantikan kontrak iaitu 6,216 (36.7%) bagi kumpulan Pengurusan Dan Profesional dan Kumpulan Sokongan 1 manakala 10,740 (63.3%) calon bagi Kumpulan Sokongan II. Maklumat status calon lantikan kontrak adalah seperti di Jadual 8.

**JADUAL 8**  
STATUS LANTIKAN KONTRAK BAGI TAHUN 2011

<b>STATUS LANTIKAN</b>	<b>KUMPULAN JAWATAN</b>	<b>BILANGAN LANTIKAN</b>
LANTIKAN KONTRAK	PENGURUSAN & PROFESIONAL (IJAZAH) DAN SOKONGAN I (DIPLOMA)	6,216
	SOKONGAN II (SIJIL, SPM, PMR)	10,740
<b>JUMLAH:</b>		<b>16,956</b>

### Pelantikan Kontrak Kumpulan Pengurusan & Profesional Dan Kumpulan Sokongan I

Bagi pelantikan kontrak Kumpulan Pengurusan & Profesional dan Kumpulan Sokongan I, Suruhanjaya telah melaksanakan urusan pelantikan dan pelantikan semula secara kontrak seramai 5,957 orang warganegara dan 259 orang bukan warganegara pada tahun 2011 berbanding tahun 2010 yang hanya melantik seramai 4,400 orang warganegara dan 457 bukan warganegara. Jumlah keseluruhan di bawah pelantikan ini adalah seramai 6,216 orang pada tahun 2011 berbanding 4,857 orang pada tahun 2010. Pelantikan dan pelantikan semula secara kontrak Kumpulan Pengurusan & Profesional dan Kumpulan Sokongan I bagi tahun 2010 dan 2011 adalah seperti di Jadual 9.

**JADUAL 9**  
PELANTIKAN DAN PELANTIKAN SEMULA SECARA KONTRAK KUMPULAN PENGURUSAN & PROFESIONAL DAN KUMPULAN SOKONGAN I BAGI TAHUN 2010– 2011

<b>TAHUN</b>	<b>PELANTIKAN</b>		<b>PELANTIKAN SEMULA</b>		<b>JUMLAH</b>
	Warganegara	Bukan Warganegara	Warganegara	Bukan Warganegara	
2010	<b>1,156</b>	163	<b>3,244</b>	294	<b>4,857</b>
2011	<b>3,157</b>	74	<b>2,800</b>	185	<b>6,216</b>

### Pelantikan Kontrak Kumpulan Sokongan II

Bagi pelantikan kontrak Kumpulan Sokongan II pula, Suruhanjaya telah melaksanakan urusan pelantikan dan pelantikan semula secara kontrak seramai 7,089 orang dan 3,651 orang pada tahun 2011 berbanding tahun 2010 yang hanya melantik seramai 1,487 orang dan 3,238 orang. Jumlah keseluruhan di bawah pelantikan ini adalah seramai 10,740 orang pada tahun 2011 berbanding 4,725 orang pada tahun 2010. Pelantikan dan pelantikan semula secara kontrak Kumpulan Sokongan II bagi tahun 2010 dan 2011 adalah seperti di Jadual 10.

**JADUAL 10**  
PELANTIKAN DAN PELANTIKAN SEMULA SECARA KONTRAK BAGI TAHUN 2010 - 2011

<b>TAHUN</b>	<b>PELANTIKAN</b>	<b>PELANTIKAN SEMULA</b>	<b>JUMLAH</b>
2010	1,487	3,238	4,725
2011	7,089	3,651	10,740

**Pelantikan Dan Pelantikan Semula Secara Kontrak Pegawai Perubatan Dan Pegawai Pergigian Bukan Warganegara**

Dalam usaha mengisi kekosongan jawatan yang kekurangan bilangan calon seperti Pegawai Perubatan dan Pegawai Pergigian, Suruhanjaya juga telah melantik secara kontrak calon warganegara dan bukan warganegara untuk berkhidmat dengan Kementerian Kesihatan. Pada tahun 2011, Suruhanjaya telah melantik seramai 462 orang Pegawai Perubatan dan Pegawai Pergigian berbanding 457 pada tahun 2010. Pelantikan secara Kontrak Pegawai Perubatan dan Pegawai Pergigian pada tahun 2010 dan 2011 adalah seperti di Jadual 11.

**JADUAL 11**  
PELANTIKAN DAN PELANTIKAN SEMULA SECARA KONTRAK  
PEGAWAI PERUBATAN DAN PEGAWAI PERGIGIAN BUKAN WARGANEGARA BAGI TAHUN 2010-2011

<b>TAHUN</b>	<b>PELANTIKAN</b>		<b>PELANTIKAN SEMULA</b>		<b>JUMLAH</b>
	Warganegara	Bukan Warganegara	Warganegara	Bukan Warganegara	
2010	149	266	14	28	457
2011	139	268	20	35	462

**Pemilihan Mengikuti Latihan Separa Perubatan**

Pada tahun 2011, Urus Setia Suruhanjaya dengan kerjasama Kementerian Kesihatan telah menemu duga seramai 24,926 calon berbanding 26,952 calon pada tahun 2010 bagi mengikuti latihan Separa Perubatan.

Seramai 9,693 calon telah dipilih untuk mengikuti 13 jenis latihan pada peringkat diploma dan sijil dalam tahun 2011 berbanding 9,287 calon pada tahun 2010. Maklumat keseluruhan bilangan permohonan, calon dipanggil temu duga, hadir temu duga dan bilangan calon mengikuti Latihan Separa Perubatan pada tahun 2011 adalah seperti di Jadual 12, Jadual 13 dan Carta 3.

**JADUAL 12**

## URUSAN PEMILIHAN PELATIH SEPARA PERUBATAN BAGI TAHUN 2011

<b>TAHUN</b>	<b>TARAF LATIHAN</b>	<b>JUMLAH PERMOHONAN</b>	<b>BIL. CALON DIPANGGIL TEMU DUGA</b>	<b>BIL. CALON HADIR TEMU DUGA</b>	<b>BILANGAN TAWARAN PELATIH</b>
2011	DIPLOMA	512,436	29,364	17,436	6,759
	SIJIL	195,800	8,129	4,806	2,934
	<b>JUMLAH</b>	<b>708,236</b>	<b>37,493</b>	<b>22,242</b>	<b>9,693</b>


**JADUAL 13**

## URUSAN PEMILIHAN PELATIH SEPARA PERUBATAN BAGI TAHUN 2010-2011

<b>BIL.</b>	<b>JAWATAN BERTARAF DIPLOMA</b>	<b>TAHUN</b>	
		<b>2010</b>	<b>2011</b>
1.	Juru X-Ray	105	144
2.	Jurupulih Perubatan (Anggota)	215	215
3.	Jurupulih Perubatan (Cara Kerja)	200	212
4.	Jururawat	3,658	3,988
5.	Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran	394	285
6.	Penolong Pegawai Perubatan	1,056	1,248
7.	Juruteknologi Makmal Perubatan	535	304
8.	Jururawat Pergigian	150	115
9.	Juruteknologi Pergigian	54	54
10.	Penolong Pegawai Farmasi	230	194
<b>JAWATAN BERTARAF SIJIL</b>			
11.	Jururawat Masyarakat	1,814	2,254
12.	Pembantu Pembedahan Pergigian	296	290
13.	Pembantu Kesihatan Awam	580	390
<b>JUMLAH</b>		<b>9,287</b>	<b>9,693</b>

**CARTA 3**

**PEMILIHAN PELATIH MENGIKUTI LATIHAN SEPARA PERUBATAN BAGI TAHUN 2010 - 2011**



## Pelantikan ke Jawatan Separa Perubatan

Pada tahun 2011, seramai 6,112 calon telah dilantik ke jawatan Separa Perubatan berbanding dengan tahun 2010, Suruhanjaya telah melantik seramai 8,457 calon ke jawatan Separa Perubatan. Butiran terperinci seperti di Jadual 14 dan Carta 4.


### JADUAL 14

PELANTIKAN TETAP KE JAWATAN SEPARA PERUBATAN BAGI TAHUN 2010 - 2011

BIL.	JAWATAN BERTARAF DIPLOMA	TAHUN	
		2010	2011
1.	Juru X-Ray Gred U29	375	113
2.	Jurupulih Perubatan (Anggota) Gred U29	80	68
3.	Jurupulih Perubatan (Cara Kerja) Gred U29	78	73
4.	Jururawat Gred U29	3,426	2,975
5.	Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran Gred U29	454	210
6.	Penolong Pegawai Perubatan Gred U29	765	628
7.	Juruteknologi Makmal Perubatan Gred U29	491	413
8.	Jururawat Pergigian Gred U29	114	91
9.	Juruteknologi Pergigian Gred U29	43	68
10.	Penolong Pegawai Farmasi Gred U29	420	202
<b>JAWATAN BERTARAF SIJIL</b>			
11.	Jururawat Masyarakat U19	1,502	7,84
12.	Pembantu Pembedahan Pergigian U17	191	315
13.	Pembantu Kesihatan Awam U17	518	172
<b>JUMLAH</b>		<b>8,457</b>	<b>6,112</b>

**CARTA 4**

PEMILIHAN PELATIH MENGIKUTI LATIHAN SEPARA PERUBATAN BAGI TAHUN 2010 - 2011



# SIJIL PENARAFAN PORTAL 5 BINTANG



YBhg. Dato' Lamien Bin Sawiyo ketika menerima Sijil penarafan Portal 5 Bintang

SPA telah berjaya mendapat penarafan Portal 5 Bintang dan telah menerima sijil dalam satu majlis penganugerahan yang dianjurkan oleh Multimedia Development Corporation (MDeC) pada 1 Disember 2011 di Putrajaya International Convention Centre (PICC). Majlis penganugerahan tersebut diadakan sempena Seminar Malaysia Government Portals and Websites Assessment 2011. YBhg. Dato' Lamien Sawiyo, Setiausaha SPA telah menerima sijil yang disampaikan oleh Timbalan Ketua Pengarah (ICT) MAMPU. SPA telah mendapat penarafan Portal 5 Bintang dan berada di tempat ke-13 daripada 285 agensi /kementerian/jabatan setelah penilaian dibuat oleh MDEC. Portal baru SPA telah dilancarkan pada 29 Mac 2011 dan sehingga 31 Disember 2011, sebanyak 9,837,250 capaian terhadap portal SPA telah direkodkan.

## PENGGUNAAN MyID DAN KATA LALUAN

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia (SPA) telah mula menggunakan borang pendaftaran pekerjaan online yang dikenali sebagai borang SPA8i pada tahun 1997 dan ianya merupakan alternatif kepada borang permohonan manual yang dikenali sebagai borang SPA8. Penambahbaikan borang SPA8i telah dilaksanakan secara berterusan dan telah mendapat sambutan yang menggalakkan daripada calon-calon SPA. Pada tahun 2009, SPA telah menggunakan borang SPA8i sepenuhnya untuk permohonan pendaftaran pekerjaan dan tidak lagi menggunakan borang manual. Penggunaan borang online adalah selari dengan dasar kerajaan “tanpa kertas” dan pelaksanaan kerajaan elektronik serta dapat meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan kerajaan kepada pelanggan.

Seterusnya, pada 21 Februari 2011, borang SPA8i telah ditambahbaik dengan memperkenalkan pula penggunaan **MyID** dan **Kata Laluan** bertujuan untuk memberikan perkhidmatan terbaik kepada pelanggan. Untuk memudahkan pemohon mengisi borang SPA8i, SPA telah menyediakan **Maklumat Jawatan**, Panduan Pengguna dan Soalan Lazim (FAQ) mengenai borang SPA8i secara *online*.

## KELEBIHAN PENGGUNAAN MyID DAN KATA LALUAN

Antara kelebihan yang terdapat dalam borang SPA8i ini adalah:

- a) Memudahkan pemohon untuk mengemaskini maklumat permohonan;
- b) Memudahkan pemohon untuk melanjutkan tempoh sah laku permohonan;
- c) Memudahkan pemohon menyemak status permohonan;
- d) Memudahkan SPA menyalurkan maklumat urusan pengambilan melalui penggunaan emel; dan
- e) Mengelakkan kes penyamaran oleh pemohon.

Borang SPA8i juga menyediakan **Semakan Status Permohonan** dimana pemohon boleh melihat status urusan pengambilan yang dibuat oleh SPA bagi tempoh setahun dari tahun semasa. Urusan tersebut akan dijana secara automatik oleh sistem SPA. Untuk menjaga keselamatan maklumat, pemohon juga boleh menukar kata laluan pada bila-bila masa. Pemohon juga boleh melanjutkan tempoh sah laku permohonan tanpa menghantar pengakuan.

## TRANSFORMASI PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN SPA MENERUSI ICT

SPA telah memperkasakan penggunaan ICT untuk meningkatkan kecekapan dan keberkesanan sistem penyampaian SPA kepada stakeholder dan pelanggan. Melalui penggunaan ICT peluang perkongsian pintar, integrasi dan interoperability antara agensi akan menjadi lebih meluas, cekap, bersepadu, stabil dan selamat.

### ▪ SISTEM PENGURUSAN PEPERIKSAAN BERKOMPUTER

Sistem Pengurusan Peperiksaan Berkomputer (SISPEK) bagi meningkatkan kecekapan dan keberkesanan untuk pengendalian urusan peperiksaan SPA bagi menyokong pelaksanaan MyRecruitment.

### ▪ PERKONGSIAN PINTAR

Aplikasi eSMSM dengan Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran dan Suruhanjaya Pasukan Polis.

### ▪ JARINGAN KERJASAMA STRATEGI

Jaringan kerjasama strategik dengan Jabatan Tenaga Kerja, Lembaga Peperiksaan Malaysia dan Jabatan Pendaftaran Negara untuk perkongsian maklumat. SPA juga telah menggunakan Human Resource Management Information System (HRMIS) untuk pengurusan sumber manusia SPA.

### ▪ SENTIASA MENGUTAMAKAN PELANGGAN

SPA telah menjalankan Kajian dan Soal Selidik Kepuasan Hati Pelanggan terhadap penggunaan Sistem Mengambil Sepanjang Masa (eSMSM) dan Sistem Pemantauan Maklumat Perkhidmatan, Naik Pangkat dan Tatatertib (eSPDM).

## **Pelantikan ke Jawatan Khas**

Dalam melaksanakan Fungsi Suruhanjaya di bawah Perkara 144 Fasal 3 Perlembagaan Persekutuan, SPA telah menguruskan pelantikan (termasuk pelantikan kontrak) bagi jawatan-jawatan khas seperti berikut:

- Ketua Setiausaha Negara
- Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
- Ketua Setiausaha Perbendaharaan
- Ketua Pengarah Kesihatan
- Ketua Pengarah Kastam
- Duta Besar Malaysia ke Belgium
- Duta Besar Malaysia ke Ireland
- Duta Besar Malaysia ke Chile
- Duta Besar Malaysia ke Cuba
- Duta Besar Malaysia ke Senegal
- Duta Besar Malaysia ke Venezuela
- Duta Besar Malaysia ke Croatia
- Duta Besar Malaysia ke Itali
- Duta Besar Malaysia ke Bahrain
- Duta Besar Malaysia ke Sweden
- Duta Besar Malaysia ke Kazakhstan
- Duta Besar Malaysia ke Kuwait
- Duta Besar Malaysia ke Morocco
- Duta Besar Malaysia ke Myanmar
- Duta Besar Malaysia ke Vietnam
- Duta Besar Malaysia ke Yemen
- Duta Besar Malaysia ke Peru
- Duta Besar Malaysia ke Jepun
- Duta Besar Malaysia ke Arab Saudi
- Duta Besar Malaysia ke Amerika Syarikat
- Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Kenya
- Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Papua New Guinea
- Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Sri Lanka
- Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Singapura
- Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke New Zealand

## **KAEDAH URUSAN PENGAMBILAN**

### **1) JAWATAN KRITIKAL**

Dalam usaha meningkatkan keberkesanan dan kecekapan urusan pengambilan bagi jawatan-jawatan kritikal, Suruhanjaya telah melaksanakan Temu Duga Secara Temu janji dan Temu Duga Pelajar Tahun Akhir.

#### **• Temu Duga Secara Temu janji**

Kaedah Temu Duga Secara Temu janji telah dilaksanakan oleh Suruhanjaya pada sepanjang tahun 2011 khususnya bagi pengambilan calon warganegara berkelulusan luar negara bagi jawatan Pegawai Perubatan, Pegawai Pergigian dan Pegawai Farmasi. Di bawah kaedah ini, lulusan tiga bidang kritikal ini boleh menetapkan temu janji untuk mereka ditemu duga oleh Suruhanjaya. Calon boleh menghadiri temu duga dengan Suruhanjaya yang diadakan di Putrajaya pada hari Selasa setiap minggu. Mereka yang layak dan sesuai akan diberi surat tawaran pelantikan selepas mereka ditemu duga. Statistik urusan pelantikan bagi tiga bidang kritikal tersebut yang telah dibuat pada tahun 2010 dan tahun 2011 adalah seperti di Jadual 15.

**JADUAL 15**

PELANTIKAN KE JAWATAN PEGAWAI PERUBATAN, PEGAWAI PERGIGIAN DAN PEGAWAI FARMASI MENERUSI URUSAN TEMU DUGA SECARA TEMU JANJI BAGI TAHUN 2010 – 2011

TAHUN	PELANTIKAN		PELANTIKAN SEMULA	JUMLAH
	Pegawai Perubatan	Pegawai Pergigian	Pegawai Farmasi	
2010	911	87	192	1,190
2011	1,518	104	368	1,990

• **Temu Duga Pelajar Tahun Akhir**

Pelajar tahun akhir di institusi pengajian tinggi awam dan swasta, khususnya pelajar bidang perubatan, pergigian dan farmasi ditemu duga bagi mengisi kekosongan jawatan Pegawai Perubatan, Pegawai Pergigian dan Pegawai Farmasi di Kementerian Kesihatan. Pecahan urusan yang telah dijalankan menerusi kaedah ini seperti Jadual 16.

**JADUAL 16**

PELANTIKAN KE JAWATAN PEGAWAI PERUBATAN, PEGAWAI PERGIGIAN DAN PEGAWAI FARMASI MENERUSI URUSAN TEMU DUGA PELAJAR TAHUN AKHIR BAGI TAHUN 2010 - 2011

TAHUN	PELANTIKAN		PELANTIKAN SEMULA	JUMLAH
	Pegawai Perubatan	Pegawai Pergigian	Pegawai Farmasi	
2010	1,802	201	661	2,664
2011	1,847	284	554	2,685

**2) JAWATAN YANG KEKURANGAN CALON**

Terdapat beberapa jawatan yang sukar diisi kerana kekurangan calon yang layak dalam bidang/ disiplin yang diperlukan. Jawatan tersebut adalah seperti di Jadual 17.

**JADUAL 17**

JAWATAN YANG KEKURANGAN CALON BAGI TAHUN 2010 - 2011

BIL.	JAWATAN	2010			2011		
		Kosong	Diisi	Kekurangan	Kosong	Diisi	Kekurangan
1.	Pegawai Perubatan Gred UD41	4122	2713	1409	9,700	3,365	6,335
2.	Pegawai Pergigian Gred U41	650	288	362	1050	388	662
3.	Pegawai Pemulihan Perubatan Gred U41	189	75	114	84	5	79

### 3) PELANTIKAN BAKAT TERBAIK (BEST TALENT)

Selaras dengan usaha Kerajaan untuk memberikan perkhidmatan terbaik kepada rakyat, SPA juga telah melantik *best talent* ke dalam perkhidmatan awam. Pelantikan *best talent*, buat masa ini hanya ke jawatan lantikan yang melibatkan calon-calon yang memperolehi CGPA 3.50 ke atas daripada universiti dalam dan luar negara sama ada di peringkat Ijazah Sarjana Muda atau Diploma. Pada tahun 2011, seramai 469 calon di peringkat Ijazah Sarjana Muda dalam pelbagai bidang yang memperolehi CGPA 3.50 ke atas telah dilantik oleh SPA ke pelbagai jawatan dalam perkhidmatan awam. Sementara itu bilangan calon berkelulusan Diploma yang berjaya dilantik pula adalah seramai 387 calon. Maklumat lanjut bilangan pelantikan best talent pada tahun 2011 adalah seperti di Jadual 18.

**JADUAL 18**  
BILANGAN PELANTIKAN BEST TALENT BAGI TAHUN 2011

BIL	KELAYAKAN	TAWARAN LANTIKAN
1.	Ijazah Sarjana Muda (CGPA 3.5 ke atas)	469
2.	Diploma (CGPA 3.5 ke atas)	387
	<b>JUMLAH</b>	<b>856</b>

### 4) TEMU DUGA LUAR NEGARA

Bagi memastikan pelajar-pelajar Malaysia kembali berkhidmat di negara ini selepas menamatkan pengajian khususnya pelajar-pelajar tajaan Kerajaan, SPA telah mengadakan sesi temu duga di luar negara. Pada tahun 2011, SPA telah mengadakan temu duga bagi pelajar-pelajar Malaysia yang menuntut di Indonesia dan India. Daripada 246 calon yang dipanggil temu duga, 222 calon telah menghadiri temu duga dan 222 calon telah diperakukan untuk dilantik ke dalam perkhidmatan awam. Sebahagian besar calon merupakan graduan daripada universiti-universiti seperti *Universiti Trisakti, Universiti Gadjah Mada, Universiti Prof. Dr. Moestopo, Universiti Kristen Krida Wacana, Universiti Padjadjaran, KLE University Of Belgaum, Bapuji Dental College, Jawaharlal Nehru Medical College, Management and Science University Bangalore, Kasturba Medical College, Manipal College of Dental Science* dan *Vinnayaka Mission's Research Foundation Deemed University*. Maklumat lanjut bilangan calon yang ditemu duga dan dilantik mengikut negara bagi tahun 2011 adalah seperti di Jadual 19.

**JADUAL 19**  
BILANGAN CALON YANG DITEMU DUGA DAN DILANTIK MENGIKUT NEGARA BAGI TAHUN 2010

BIL	NEGARA	PANGGIL TEMU DUGA	HADIR TEMU DUGA	CALON DIPERAKU
1.	<b>Indonesia</b>			
	*Jawatan Kritikal	105	98	98
2.	<b>India</b>			
	*Jawatan Kritikal	141	124	124
	<b>JUMLAH</b>	<b>246</b>	<b>222</b>	<b>222</b>

Nota : \*Jawatan Kritikal termasuklah jawatan Pegawai Perubatan Gred UD41, Pegawai Farmasi Gred U41 dan Pegawai Pegigian Gred U41.

## 5) PELANTIKAN SECARA *MULTIPLE ENTRY*

### • PELANTIKAN TETAP SECARA *MULTIPLE ENTRY* DI PELBAGAI KEMENTERIAN/ JABATAN

Pada tahun 2011, SPA telah melantik seramai 31 calon melalui kaedah *multiple entry*. SPA membuat pelantikan secara *multiple entry* berdasarkan permohonan-permohonan yang diterima daripada Kementerian/ Jabatan untuk mengisi kekosongan sedia ada. Kriteria pemilihan calon-calon tersebut adalah berdasarkan kelayakan, pengalaman dan keistimewaan yang dimiliki oleh calon setelah mendapat perakuan daripada Ketua Jabatan. Maklumat bilangan pelantikan tetap secara *multiple entry* mengikut skim dan gred adalah seperti di Jadual 20 (a).

**JADUAL 20 (a)**

BILANGAN PELANTIKAN SECARA *MULTIPLE ENTRY* MENGIKUT SKIM DAN GRED BAGI TAHUN 2011

BIL	SKIM	GRED	KEWARGANEGARAAN	TAWARAN LANTIKAN
1.	Pegawai Perubatan	UD43	Kementerian Kesihatan	12
2.	Pegawai Perubatan	UD47	Kementerian Kesihatan	5
3.	Pegawai Perubatan	UD51	Kementerian Kesihatan	2
4.	Pegawai Perubatan	UD53	Kementerian Kesihatan	4
5.	Pegawai Penyelidik	Q43	Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar	3
6.	Penerbit Rancangan	B47	Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan	1
7.	Penerbit Rancangan	B43	Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan	1
8.	Pegawai Tadbir dan Diplomatik	M54	Jabatan Perkhidmatan Awam	1
9.	Pegawai Tadbir dan Diplomatik	JUSA/ TURUS	Jabatan Perkhidmatan Awam	2
<b>JUMLAH</b>				<b>31</b>

### ▪ PELANTIKAN KONTRAK SECARA *MULTIPLE ENTRY* DI KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

SPA turut membuat pelantikan kontrak secara *multiple entry* seramai 143 calon bagi pelantikan Pegawai Perubatan dan Pegawai Pergigian di Kementerian Kesihatan Malaysia. Penentuan gred lantikan adalah berdasarkan kelayakan dan pengalaman pegawai yang dilantik. Maklumat bilangan pelantikan kontrak secara *multiple entry* mengikut skim dan gred adalah seperti di Jadual 20 (b).

**JADUAL 20 (b)**

BILANGAN PELANTIKAN PEGAWAI PERUBATAN DAN PEGAWAI PERGIGIAN SECARA KONTRAK DI KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA MENGIKUT SKIM DAN GRED BAGI TAHUN 2011

BIL	SKIM	GRED	KEWARGANEGARAAN	TAWARAN LANTIKAN
1.	Pegawai Perubatan	UD47	Warganegara	14
2.	Pegawai Perubatan	UD47	Bukan Warganegara	25
3.	Pegawai Perubatan	UD51	Warganegara	8
4.	Pegawai Perubatan	UD51	Bukan Warganegara	13
5.	Pegawai Perubatan	UD53	Warganegara	16
6.	Pegawai Perubatan	UD53	Bukan Warganegara	21
7.	Pegawai Perubatan	KHAS/JUSA	Warganegara	27
9.	Pegawai Pergigian	U47	Warganegara	7
10.	Pegawai Pergigian	U51	Warganegara	7
11.	Pegawai Pergigian	U53	Warganegara	2
12.	Pegawai Pergigian	Khas/JUSA	Warganegara	3
<b>JUMLAH</b>				<b>143</b>

## **PENCAPAIAN URUSAN PENGAMBILAN DI BAWAH SURATCARA PEWAKILAN KUASA [P.U.(B) 496]**

Suratcara Perwakilan Kuasa [P.U.(B) 496] merupakan dokumen perwakilan kuasa oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia kepada Kementerian/ Jabatan dan Pentadbiran Negeri. Melalui P.U.(B) 496, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia telah mewakilkan kuasa kepada Kementerian/ Jabatan dan Pentadbiran Negeri bagi melaksanakan urusan melantik, mengesahkan dalam perkhidmatan dan memasukkan ke dalam perjawatan berpencen bagi jawatan-jawatan seperti di Jadual Ketiga P.U.(B) 496 berkuatkuasa mulai 1 September 1996. Daripada 45 jawatan yang diwakilkan kuasa, hanya 26 jawatan yang masih berkuatkuasa sehingga 31 Disember 2011 seperti Jadual 21.

### **JADUAL 21**

#### **STATUS TERKINI JAWATAN-JAWATAN YANG DIWAKILKAN KUASA**

1.	Pereka Gred B11
2.	Ahli Fotografi Gred B11
3.	Pegawai Kebudayaan Gred B11
4.	Jurusolek Gred B11
5.	Pengajar Kraf Gred E11
6.	Pembantu Hidupan Liar Rendah Gred G11
7.	Pengawas Hutan Gred G11
8.	Penolong Operator Kamera Gred N11
9.	Penyelia Jeti Gred N3
10.	Penghantar Notis Gred N3
11.	Bentara Parlimen Gred N1
12.	Pembantu Kamera Gred N3
13.	Pembantu Am Pejabat Gred N1
14.	Penyelamat Gred N1
15.	Pengawas Pemulihan Gred N1
16.	Pekerja Awam Khas Gred R3
17.	Pemandu Kenderaan Gred R3
18.	Operator Loji Gred R3
19.	Pemandu/ Operator Jentera Pemungkah Gred R3
20.	Tukang K1 Gred R17
21.	Tukang K2 Gred R11
22.	Tukang K3 Gred R9
23.	Pemandu Enjin (Keretapi Bukit Bendera) Gred R9
24.	Pekerja Awam Gred R1
25.	Atendan Kesihatan Gred U3,U12, U14
26.	Pengawal Keselamatan Gred KP11

### Laporan Urusan Pengambilan di bawah P.U.(B) 496

Berdasarkan P.U.(B) 496, Kementerian/ Jabatan perlu mengemukakan laporan urusan pengambilan kepada Suruhanjaya walaupun tiada urusan pengambilan dijalankan. Bagi memudahkan Kementerian/ Jabatan menghantar laporan urusan pengambilan, satu sistem laporan P.U.(B) 496 online telah diwujudkan. Dengan pelaksanaan sistem ini, Kementerian/ Jabatan boleh menghantar laporan secara online melalui sistem ePGSPA. Bagi tahun 2011, sebanyak 503 calon telah dilantik tetap yang mana melibatkan jawatan Atendan Kesihatan Gred U3, Bentara Parlimen Gred N1, Pekerja Awam Gred R1, Pekerja Awam Khas Gred R3, Pemandu Kenderaan Bermotor Gred R3, Pembantu Am Pejabat Gred N1, Pembantu Hidupan Liar Rendah Gred G11 dan Penghantar Notis Gred N3. Jadual 22 menunjukkan maklumat mengenai pelantikan calon bagi tahun 2011.

#### JADUAL 22

BILANGAN PELANTIKAN PEGAWAI PERUBATAN DAN PEGAWAI PERGIGIAN SECARA KONTRAK DI KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA MENGIKUT SKIM DAN GRED BAGI TAHUN 2011

<b>BIL.</b>	<b>JAWATAN DAN GRED</b>	<b>BIL. LANTIKAN</b>
1.	Atendan Kesihatan Gred U3	101
2.	Bentara Parlimen Gred N1	1
3.	Pekerja Awam Gred R1	64
4.	Pekerja Awam Khas Gred R3	11
5.	Pemandu Kenderaan Bermotor Gred R3	65
6.	Pembantu Am Pejabat Gred N1	219
7.	Pembantu Hidupan Liar Rendah Gred G11	20
8.	Penghantar Notis Gred N3	22
	<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>503</b>

## **KAEDAH PENGAMBILAN SECARA PROFILING (MYRECRUITMENT)**

Kaedah Pengambilan Secara Profiling (MyRecruitment) merupakan transformasi kaedah pengambilan yang dilaksanakan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) bertujuan untuk menambahbaik kaedah dan sistem penilaian untuk memilih calon yang terbaik bagi memasuki perkhidmatan awam di Malaysia. Melalui pelaksanaan *MyRecruitment* ini, calon yang memohon sesuatu jawatan dalam perkhidmatan awam akan melalui proses penilaian yang holistik dan komprehensif seperti tapisan awal, ujian aptitud, penilaian kompetensi dan temu duga sebelum dilantik.

Melalui penilaian yang dijalankan, maklumat calon akan diprofilkan berasaskan latar belakang, pencapaian akademik, ciri personaliti, minat kerjaya, sikap, kecerdasan (IQ) dan kompetensi (kemahiran) untuk dijadikan asas penilaian bagi menentukan calon-calon yang sesuai berkhidmat dalam perkhidmatan awam Malaysia.

Dengan hasrat untuk melaksanakan kaedah pengambilan ini secara menyeluruh di Kementerian/ Jabatan, satu Memorandum Jemaah Menteri telah dibentangkan pada 23 Disember 2009. Mesyuarat Jemaah Menteri telah meluluskan kaedah pengambilan yang dikenali sebagai *MyRecruitment*. Pelancaran *MyRecruitment* telah disempurnakan oleh YAB Dato' Sri Mohd Najib Bin Tun Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia pada 11 Januari 2010.

### **Proses Pelaksanaan *MyRecruitment***

Melalui pelaksanaan *MyRecruitment*, calon perlu melalui empat (4) proses saringan sebelum ditawarkan iaitu tapisan awal, peperiksaan, penilaian kompetensi dan temu duga seperti di Rajah A. Proses saringan dalam *MyRecruitment* dibuat secara berstruktur seperti berikut:

#### **(i) Tapisan Awal**

Calon yang mendaftar secara online dengan SPA akan ditapis permohonannya sama ada memenuhi syarat skim perkhidmatan bagi jawatan yang dipohon;

#### **(ii) Peperiksaan**

Calon yang telah melepasi tapisan awal dikehendaki menduduki peperiksaan bagi menilai pengetahuan am, pengetahuan bidang yang dipohon, daya menyelesaikan masalah dan kemahiran bahasa. Selain peperiksaan ini, ujian sahsiah dan minat juga diadakan;

#### **(iii) Penilaian Kompetensi (Competency Assessment)**


Calon yang berjaya melepasi tapisan peperiksaan akan melalui sesi ini. Sesi ini bertujuan mengukur kompetensi calon dari aspek *Attitude-Skill-Knowledge* (ASK) dengan tugas dan jawatan yang dipohon. Calon-calon akan dinilai dari segi kemahiran berkomunikasi dalam bahasa Melayu dan Inggeris atau bahasa-bahasa lain yang diperlukan, serta penilaian kompetensi yang diperlukan seperti komitmen, disiplin, *teamwork* dan lain-lain; dan

#### **(iv) Temu Duga**

Sesi ini bertujuan menilai kesesuaian dan perwatakan calon dengan keperluan sesuatu jawatan di agensi tertentu. Sesi ini akan menentu sahkan penilaian yang dibuat di peringkat sesi penilaian kompetensi.

RAJAH A

Kaedah Pengambilan Secara Profiling (MyRecruitment)



## Pencapaian Pelaksanaan *MyRecruitment* setakat 31 Disember 2011

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam merancang di antara tahun 2010 hingga 2012 akan melaksanakan urusan pengambilan berasaskan *Profiling Recruitment Model* kepada 109 skim jawatan. Sehingga 31 Disember 2011, urusan pengambilan secara *profiling* ini telah dijalankan kepada 55 skim jawatan seperti berikut:

<b>Bil.</b>	<b>Nama Jawatan</b>	<b>Gred</b>	<b>Kementerian/Jabatan</b>
1.	Pegawai Anti Dadah	<b>S41</b>	Agensi Anti Dadah Kebangsaan
2.	Leftenen Maritim	<b>X17</b>	Agensi Penguatkuasa Maritim Malaysia
3.	Leftenan Muda Maritim	<b>X13</b>	Agensi Penguatkuasa Maritim Malaysia
4.	Laskar Kelas II Maritim	<b>X1</b>	Agensi Penguatkuasa Maritim Malaysia
5.	Akauntan	<b>W41</b>	Jabatan Akauntan Negara
6.	Penguasa Bomba	<b>KB41</b>	Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia
7.	Penolong Penguasa Bomba	<b>KB29</b>	Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia
8.	Pegawai Bomba	<b>KB17</b>	Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia
9.	Pegawai Hal Ehwal Islam	<b>S41</b>	Jabatan Hal Ehwal Islam Malaysia
10.	Penguasa Kastam	<b>W41</b>	Jabatan Kastam
11.	Pegawai Pembangunan Masyarakat	<b>S41</b>	Jabatan Kebajikan Masyarakat
12.	Pegawai Kawalan Trafik Udara	<b>A41</b>	Jabatan Penerbangan Awam
13.	Penolong Pegawai Kawalan Trafik Udara	<b>A29</b>	Jabatan Penerbangan Awam
14.	Pegawai Penguatkuasa	<b>N41</b>	Jabatan Pengangkutan Awam Malaysia
15.	Penolong Pegawai Penguatkuasa	<b>N27</b>	Jabatan Pengangkutan Awam Malaysia
16.	Pembantu Penguatkuasa	<b>N17</b>	Jabatan Pengangkutan Awam Malaysia
17.	Penguasa Penjara	<b>KX41</b>	Jabatan Penjara
18.	Penolong Penguasa Penjara	<b>KX27</b>	Jabatan Penjara
19.	Pegawai Penjara	<b>KX17</b>	Jabatan Penjara
20.	Perangkawan	<b>E41</b>	Jabatan Perangkaan Malaysia
21.	Pegawai Keselamatan	<b>KP41</b>	Jabatan Perdana Menteri
22.	Penolong Pegawai Keselamatan	<b>KP27</b>	Jabatan Perdana Menteri
23.	Pembantu Keselamatan	<b>KP17</b>	Jabatan Perdana Menteri
24.	Pegawai Tadbir dan Diplomatik	<b>M41</b>	Jabatan Perkhidmatan Awam
25.	Pegawai Pertahanan Awam	<b>KP41</b>	Jabatan Pertahanan Awam
26.	Penolong Pegawai Pertahanan Awam	<b>KP27</b>	Jabatan Pertahanan Awam
27.	Pegawai Belia & Sukan	<b>S41</b>	Kementerian Belia dan Sukan
28.	Penolong Pegawai Belia dan Sukan	<b>S27</b>	Kementerian Belia dan Sukan
29.	Latihan Jurupulih Anggota	<b>U29</b>	Kementerian Kesihatan
30.	Latihan Jurupulih Carakerja	<b>U29</b>	Kementerian Kesihatan
31.	Latihan Jururawat	<b>U29</b>	Kementerian Kesihatan
32.	Latihan Juururawat Pergigian	<b>U29</b>	Kementerian Kesihatan
33.	Latihan Juruteknologi Makmal	<b>U29</b>	Kementerian Kesihatan
34.	Latihan Juruteknologi Pergigian	<b>U29</b>	Kementerian Kesihatan
35.	Latihan Juru X-Ray	<b>U29</b>	Kementerian Kesihatan
36.	Latihan Penolong Pegawai Farmasi	<b>U29</b>	Kementerian Kesihatan
37.	Latihan Penolong Pegawai Persekitaran	<b>U29</b>	Kementerian Kesihatan
38.	Pegawai Penerangan	<b>S41</b>	Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan
39.	Penerbit Rancangan	<b>B41</b>	Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan
40.	Penerbit Rancangan	<b>B27</b>	Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan

41.	Penerbit Rancangan	<b>B17</b>	Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan
42.	Pegawai Kebudayaan	<b>B41</b>	Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan
43.	Pereka	<b>B41</b>	Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan
44.	Pereka	<b>B27</b>	Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan
45.	Pereka	<b>B17</b>	Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan
46.	Ahli Fotografi	<b>B27</b>	Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan
47.	Ahli Fotografi	<b>B17</b>	Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan
48.	Artis Budaya	<b>B27</b>	Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan
49.	Artis Budaya	<b>B17</b>	Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan
50.	Pegawai Kebudayaan	<b>B27</b>	Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan
51.	Pegawai Kebudayaan	<b>B17</b>	Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan
52.	Ahli Muzik	<b>B41</b>	Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan
53.	Ahli Muzik	<b>B27</b>	Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan
54.	Ahli Muzik	<b>B17</b>	Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan
55.	Jurusolek	<b>B17</b>	Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan

### **Pelaksanaan MyRecruitment Tahun 2011**

Pada tahun 2011, SPA telah mengendalikan urusan penilaian secara profiling kepada 15 skim jawatan bagi mengisi kekosongan jawatan di kementerian/jabatan seperti berikut:

<b>Bil.</b>	<b>Jawatan</b>	<b>Kementerian/Jabatan</b>
1.	Pegawai Pem. Masyarakat (S41)	<b>Jabatan Kebajikan Masyarakat</b>
2.	Pegawai Penerangan (S41)	<b>Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan</b>
3.	Pegawai Penerangan (S41)	<b>Kementerian Kesihatan</b>
4.	Penguasa Kastam (W41)	<b>Jabatan Kastam Diraja Malaysia</b>
5.	Perangkawan (E41)	<b>Jabatan Perangkaan</b>
6.	Pegawai AADK (S41)	<b>Agensi Anti dadah Kebangsaan</b>
7.	Pegawai Hal Ehwal Islam (S41)	<b>Jabatan Kemajuan Islam Malaysia</b>
8.	Pegawai Kebudayaan (B27)	<b>Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan</b>
9.	Ahli Fotografi (B27)	<b>Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan</b>
10.	Pegawai Tadbir dan Diplomatik (M41)	<b>Jabatan Perkhidmatan Awam</b>
11.	Pembantu Penguatkuasa (N17)	<b>Jabatan Pengangkutan Jalan</b>
12.	Penolong Pegawai Penguatkuasa (N27)	<b>Jabatan Veterinar</b>
13.	Laskar Kelas II Maritim (X13)	<b>Agensi Penguatkuasaan Maritim</b>
14.	Pegawai Bomba (KB17)	<b>Jabatan Bomba dan Penyelamat</b>
15.	Pembantu Kesatria (S17)	<b>Kementerian Belia dan Sukan</b>

## PEPERIKSAAN

Peperiksaan memasuki perkhidmatan awam yang dijalankan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam digunakan sebagai ujian kelayakan (Qualifying Test) untuk tujuan tapisan kepada calon-calon yang memohon sesuatu jawatan sebelum dinilai ke peringkat penilaian seterusnya iaitu Pusat Penilaian Kompetensi dan temu duga.

Pada tahun 2011, sebanyak 19 urusan peperiksaan telah dijalankan dengan jumlah permohonan seramai 257,656 orang, 142,941 orang dipanggil menghadiri peperiksaan, 79,506 orang telah hadir peperiksaan dan 17,325 orang telah lulus peperiksaan seperti yang ditunjukkan di dalam Jadual 23,24,25 dan Rajah 5.

**JADUAL 23**  
JUMLAH CALON DIPANGGIL MENDUDUKI PEPERIKSAAN  
TAHUN 2010 DAN 2011

BIL	PEPERIKSAAN / PEMERIKSAAN FIZIKAL DAN PANCAINDERA	TAHUN			
		2010		2011	
		KEKERAPAN URUSAN	BILANGAN CALON DIPANGGIL	KEKERAPAN URUSAN	BILANGAN CALON DIPANGGIL
1.	Ahli Fotografi Gred B27 - Amali	0	0	1	289
2.	Ahli Fotografi Gred B17 - Amali	1	2,539	0	0
3.	Latihan Separa Perubatan Gred U29	2	44,007	2	27,692
4.	Pegawai Tadbir dan Diplomatik Gred M41	2	65,674	1	39,370
5.	Pegawai Hal Ehwal Islam Gred S41- Bertulis	1	2,785	1	2,451
6.	Jurubahasa Gred L17	2	1,171	0	0
7.	Penerbit Rancangan Gred B41 - Bertulis	1	473	0	0
8.	Penerbit Rancangan Gred B41- Amali	1	1,126	0	0
9.	Penerbit Rancangan Gred B27 - Bertulis	1	505	0	0
10.	Penerbit Rancangan Gred B27 - Amali	1	1,169	0	0
11.	Penerbit Rancangan Gred B17 - Amali	1	705	0	0
12.	Pereka Gred B41- Bertulis dan Amali	1	1,289	0	0
13.	Pereka Gred B27- Bertulis dan Amali	1	314	0	0
14.	Pereka Gred B17- Bertulis dan Amali	1	2,469	0	0
15.	Artis Budaya Gred B17 - Amali	1	1,417	0	0
16.	14 Skim Perkhidmatan Gred 41	1	105,161	0	0
17.	Pegawai Kebudayaan Gred B27 - Bertulis	0	0	1	578
18.	Pegawai Antidadah Gred S41	0	0	1	15,029
19.	Perangkawan Gred E41	0	0	1	1,185
<b>JUMLAH</b>		<b>18</b>	<b>230,804</b>	<b>8</b>	<b>86,594</b>

**JADUAL 24**  
**JUMLAH CALON DIPANGGIL MENDUDUKI**  
**PEMERIKSAAN FIZIKAL DAN PANCAINDERA**  
**TAHUN 2010 DAN 2011**


BIL	PEPERIKSAAN / PEMERIKSAAN FIZIKAL DAN PANCAINDERA	TAHUN			
		2010		2011	
		KEKERAPAN URUSAN	BILANGAN CALON DIPANGGIL	KEKERAPAN URUSAN	BILANGAN CALON DIPANGGIL
1.	Pegawai Keselamatan Gred KP41	1	203	0	0
2.	Penolong Pegawai Keselamatan Gred KP27	1	500	0	0
3.	Pegawai Penguat kuasa Gred N41	1	35	0	0
4.	Penolong Pegawai Penguat kuasa Gred N27	3	1,655	1	268
5.	Pembantu Penguatkuasa Gred N17	1	318	1	14,411
6.	Laskar Kelas II Maritim Gred X1	0	0	1	1,690
7.	Leftenan Muda Maritim Gred X13	1	976	0	0
8.	Leftenan Maritim Gred X17	1	844	1	1,099
9.	Penguasa Bomba Gred KB41	1	787	1	2,722
10.	Penolong Penguasa Bomba Gred KB29	1	4,253	0	0
11.	Pegawai Bomba Gred KB17	0	0	2	16,229
12.	Penolong Penguasa Penjara Gred KX27	2	1,653	1	1,103
13.	Pegawai Penjara Gred KX17	0	0	1	10,463
14.	Pen. Pegawai Pertahanan Awam Gred KP27	1	1,683	0	0
15.	Pembantu Kesatria Gred S17	0	0	1	397
16.	Penguasa Imigresen Gred KP41	1	1,456	0	0
17.	Penolong Penguasa Imigresen Gred KP27	1	949	0	0
18.	Pegawai Imigresen Gred KP17	2	10,875	1	7,965
19.	Penolong Pegawai Belia dan Sukan Gred S27	1	635	0	0
<b>JUMLAH</b>		<b>18</b>	<b>26,822</b>	<b>11</b>	<b>56,347</b>

**JADUAL 25**  
**URUSAN PEPERIKSAAN /**  
**PEMERIKSAAN FIZIKAL DAN PANCAINDERA**  
**TAHUN 2011**

BIL	PEPERIKSAAN / PEMERIKSAAN FIZIKAL DAN PANCAINDERA	TARIKH	JUMLAH CALON		
			PANGGIL	HADIR	LULUS
1.	Pegawai Keselamatan Gred KP41	12.4.2011	2,451	975	423
2.	Penolong Pegawai Keselamatan Gred KP27	18- 21.4.2011	578	305	136
3.	Pegawai Penguat kuasa Gred N41	24.4.2011-13.5.2011	12,579	6,916	2,349
4.	Penolong Pegawai Penguat kuasa Gred N27	5 -11.7.2011	289	162	38
5.	Pembantu Penguatkuasa Gred N17	16.7.201	39,370	20,684	1,345
6.	Laskar Kelas II Maritim Gred X1	18.9.2011-21.10.2011	15,113	8,105	2,285
7.	Leftenan Muda Maritim Gred X13	17.11.2011	15,029	9,923	813
8.	Leftenan Maritim Gred X17	31.11.2011	1,185	733	388
9.	Penguasa Bomba Gred KB41	7-25.2.011	7,965	4,758	1,815
10.	Penolong Penguasa Bomba Gred KB29	26.12.2010-10.1.2011	14,411	8,566	1,718
11.	Pegawai Bomba Gred KB17	9-13.1.2011	1,690	560	149
12.	Penolong Penguasa Penjara Gred KX27	13-24.3.2011	10,191	5,243	1,813
13.	Pegawai Penjara Gred KX17	12-14.4.2011	397	107	22
14.	Pen. Pegawai Pertahanan Awam Gred KP27	5-13.4.2011	268	158	96
15.	Pembantu Kesatria Gred S17	1-8.62011	1,099	613	138
16.	Penguasa Imigresen Gred KP41	10-21.10.2011	10,463	6,327	1,883
17.	Penolong Penguasa Imigresen Gred KP27	13-25.11.2011	2,722	1,661	805
18.	Pegawai Imigresen Gred KP17	13.11.2011-2.12.2011	6,038	2,943	877
19.	Penolong Pegawai Belia dan Sukan Gred S27	19-30.12.2011	1,103	767	232
<b>JUMLAH</b>			<b>142,941</b>	<b>79,506</b>	<b>17,325</b>

**CARTA 5**

**BILANGAN PERMOHONAN, CALON DIPANGGIL PEPERIKSAAN, CALON HADIR PEPERIKSAAN DAN CALON LULUS PEPERIKSAAN BAGI TAHUN 2011**



**2011**

## AKTIVITI-AKTIVITI PEPERIKSAAN BERTULIS



Calon sedang menduduki peperiksaan bertulis Pegawai Tadbir dan Diplomatik Gred M41

## AKTIVITI-AKTIVITI DALAM PEMERIKSAAN FIZIKAL DAN PANCAINDERA



Pengecaman Warna (Dilaksanakan bagi skim jawatan tertentu seperti Bomba, Pertahanan Awam, Imigresen, Kastam dan sebagainya)



Pemeriksaan Dada (Dilaksanakan bagi skim jawatan tertentu seperti Bomba, Pertahanan Awam, Imigresen, Kastam dan sebagainya)



Ujian Kecergasan (Mengangkat Berat) bagi calon jawatan Penguasa Bomba



Ujian Kecergasan (Menaiki tangga) bagi calon jawatan Penguasa Bomba

## PUSAT PENILAIAN KOMPETENSI (ASSESSMENT CENTRE)

Pusat Penilaian Kompetensi (*Assessment Centre*) merupakan satu kaedah penapisan selepas calon lulus peperiksaan bagi menentukan kesesuaian calon dalam sesuatu jawatan itu. Ia mengukur kompetensi calon dari aspek *Attitude Skill Knowledge* (ASK) dengan tugas dan jawatan yang dipohon. Calon-calon akan dinilai dari segi kemahiran berkomunikasi dalam Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris atau bahasa-bahasa lain yang diperlukan, serta penilaian kompetensi yang diperlukan seperti komitmen, disiplin, kerjasama kumpulan, penampilan, kematangan idea, keyakinan diri, potensi kepimpinan dan lain-lain lagi.

Pada tahun 2011, sebanyak 19 Pusat Penilaian Kompetensi telah dijalankan bagi menguruskan 19 pengambilan perjawatan. Maklumat terperinci mengenai urusan Pusat Penilaian Kompetensi bagi tahun 2011 adalah seperti Jadual 26 dan 27.

**JADUAL 26**  
URUSAN PUSAT PENILAIAN KOMPETENSI (ASSESSMENT CENTRE)  
SELEPAS PEPERIKSAAN  
TAHUN 2011

Bil	Jawatan	Nama Program	Bil. Assessment Centre	Jumlah Calon		
				Layak	Hadir	Lulus
1.	Pegawai Tadbir & Diplomatik Gred M41	<i>PTD Assessment Centre</i> (PTD)	1/2011	1,445	1,217	191
2.	Pegawai Penerangan Gred S41	Pusat Penilaian Kompetensi Pegawai Penerangan	1/2011	992	622	304
3.	Penguasa Kastam Gred W41	<i>Customs Assessment Centre</i> (CAC)	1/2011	1,489	892	605
4.	Pegawai Penerangan Kesihatan Gred 41(KKM)	<i>Health Education Officer Competency Assessment Centre</i> (HEOCAC)	1/2011	986	417	210
5.	Pegawai Belia & Sukan Gred S41	Pusat Penilaian Pegawai Belia & Sukan	1/2011	1,121	468	291
6.	Pegawai Hal Ehwal Islam Gred S41	Pusat Penilaian JAKIM (PPJ)	1/2011	632	375	176
7.	Pegawai Kebajikan Masyarakat Gred S41	Pusat Penilaian (Kebajikan Masyarakat)	1/2011	248	184	150
8.	Pegawai Tadbir & Diplomatik Gred M41	<i>PTD Assessment Centre</i> (PTD)	2/2011	1,345	1,083	281
<b>JUMLAH:</b>				<b>8,258</b>	<b>5,258</b>	<b>2,208</b>

**JADUAL 27**  
**URUSAN PUSAT PENILAIAN KOMPETENSI (ASSESSMENT CENTRE)**  
**MELIBATKAN PEMERIKSAAN FIZIKAL DAN PANCAINDERA**  
**TAHUN 2011**

Bil	Jawatan	Nama Program	Bil. Assessment Centre	Jumlah Calon		
				Layak	Hadir	Lulus
1.	Pegawai Imigresen Gred KP17	Pusat Penilaian Imigresen (PPI)	1/2011	7,965	4,758	1,815
2.	Pembantu Penguatkuasa Gred N17 (JPJ)	Pusat Penilaian Penguatkuasa (PPP)	1/2011	14,411	8,566	1,718
3.	Laskar Kelas II Maritim Gred X1	<i>Assessment Centre for Maritim (ACM)</i>	1/2011	1,690	560	149
4.	Pegawai Bomba Gred KB17	Pusat Penilaian Individu Bomba (PPIB)	1/2011	10,191	5,243	1,813
5.	Pembantu Kesatria Gred S17 (KBS)	Pusat Penilaian Kesatria (PPK)	1/2011	397	107	22
6.	Penolong Pegawai Penguatkuasa Gred N27	Pusat Penilaian Penguatkuasa (PPP)	1/2011	268	158	96
7.	Leftenan Maritim Gred X17	<i>Assessment Centre for Maritim (ACM)</i>	1/2011	1,099	613	138
8.	Pegawai Penjara Gred KX17	Pusat Penilaian Jabatan Penjara Malaysia (PPPM)	1/2011	10,463	6,327	1,883
9.	Penguasa Bomba Gred KB41	Pusat Penilaian Individu Bomba (PPIB)	1/2011	2,722	1,661	805
10.	Pegawai Bomba Gred KB17	Pusat Penilaian Individu Bomba (PPIB)	2/2011	6,038	2,943	877
11.	Penolong Penguasa Penjara Gred KX27	Pusat Penilaian Jabatan Penjara Malaysia (PPPM)	1/2011	1,103	767	232
<b>JUMLAH:</b>				<b>56,347</b>	<b>31,703</b>	<b>9,548</b>



**Pusat Temu Duga SPA**  
**Kuantan, Pahang**  
Aras 5, Mahkota Square  
Jalan Mahkota  
25000 Kuantan, Pahang

# URUSAN PERKHIDMATAN



## URUSAN PERKHIDMATAN

Suruhanjaya melaksanakan urusan perkhidmatan bagi pegawai Perkhidmatan Awam Am Persekutuan dan Perkhidmatan Awam Negeri di bawah bidang kuasanya seperti berikut:

- pengesahan pelantikan;
- pengesahan dalam perkhidmatan;
- pelanjutan tempoh percubaan;
- pemberian taraf berpencen;
- kembali ke dalam skim perkhidmatan terdahulu;
- pembatalan tawaran pelantikan;
- penamatan perkhidmatan;
- pertukaran perkhidmatan; dan
- penetapan gaji permulaan.

Jumlah keseluruhan urusan perkhidmatan yang dilaksanakan oleh Suruhanjaya pada tahun 2011 adalah sebanyak 108,342 urusan.

### ■ Pengesahan Pelantikan

Pengesahan pelantikan adalah satu proses untuk mengesahkan pelantikan calon yang menerima sesuatu tawaran jawatan dan telah memenuhi syarat-syarat dalam tawaran pelantikan. Suruhanjaya telah mengesah pelantikan untuk 31,179 pegawai pada tahun 2011 iaitu sebanyak 9,829 pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional dan sebanyak 21,350 pegawai Kumpulan Sokongan. Bilangan pengesahan pelantikan mengalami kekurangan sebanyak 19.43% berbanding 38,699 pada tahun 2010. Kekurangan ini berpunca daripada pembekuan urusan pengambilan mulai Mei hingga Disember 2011. Maklumat Pengesahan Pelantikan adalah seperti Jadual 28.

**JADUAL 28**  
PENGESEHAN PELANTIKAN BAGI TAHUN 2010 – 2011

BIL.	PERKHIDMATAN	2010			2011		
		PENGURUSAN & PROFESIONAL	SOKONGAN	JUMLAH	PENGURUSAN & PROFESIONAL	SOKONGAN	JUMLAH
1.	Perkhidmatan Awam Am Persekutuan	11,121	27,117	38,238	9,764	21,063	30,827
2.	Perkhidmatan Awam Negeri:	16	72	88	16	34	50
	(i) Melaka	54	124	178	26	138	164
	(ii) Pulau Pinang	47	107	154	17	87	104
	(iii) Negeri Sembilan	9	32	41	6	28	34
	(iv) Perlis						
	Jumlah	126	335	461	65	287	352
	<b>Jumlah Keseluruhan</b>	<b>11,247</b>	<b>27,452</b>	<b>38,699</b>	<b>9,829</b>	<b>21,350</b>	<b>31,179</b>

▪ Pengesahan Dalam Perkhidmatan

Seseorang pegawai yang telah menjalani tempoh percubaan dengan jayanya, sama ada tempoh percubaan asal ataupun yang dilanjutkan, lulus peperiksaan yang ditetapkan (jika ada), hadir dengan jayanya Kursus Induksi dan mendapat sokongan Ketua Jabatan, layak disahkan dalam perkhidmatan mengikut Peraturan 27(1), Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2005.

Suruhanjaya telah meluluskan pengesahan dalam perkhidmatan untuk 37,141 pegawai pada tahun 2011 berbanding 38,476 pegawai pada tahun 2010 iaitu dengan pengurangan sebanyak 3.47%. Sebanyak 7,575 pegawai dari Kumpulan Pengurusan dan Profesional dan sebanyak 29,566 pegawai dari Kumpulan Sokongan telah disahkan dalam perkhidmatan pada tahun 2011 seperti pecahan di Jadual 29.

**JADUAL 29**  
PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN BAGI TAHUN 2010 – 2011

BIL.	PERKHIDMATAN	2010			2011		
		PENGURUSAN & PROFESIONAL	SOKONGAN	JUMLAH	PENGURUSAN & PROFESIONAL	SOKONGAN	JUMLAH
1.	Perkhidmatan Awam Am Persekutuan	7,411	30,417	37,828	7,512	29,070	36,582
2.	Perkhidmatan Awam Negeri:	61	105	166	16	91	107
	(i) Melaka	47	137	184	14	164	178
	(ii) Pulau Pinang	48	189	237	26	185	211
	(iii) Negeri Sembilan	8	53	61	7	56	63
	(iv) Perlis						
	Jumlah	164	484	648	63	496	559
	<b>Jumlah Keseluruhan</b>	<b>7,575</b>	<b>30,901</b>	<b>38,476</b>	<b>7,575</b>	<b>29,566</b>	<b>37,141</b>

▪ Pelanjutan Tempoh Percubaan

Pegawai yang tidak dapat disahkan dalam perkhidmatan kerana tidak lulus peperiksaan atau belum hadir dengan jayanya Kursus Induksi yang ditetapkan atau tidak mendapat perakuan sokongan daripada Ketua Jabatan boleh dilanjutkan tempoh percubaan sama ada dengan denda atau tanpa denda mengikut Peraturan 28(1), Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2005.

Pada tahun 2011, seramai 1,424 pegawai di bawah bidang kuasa Suruhanjaya telah diberi pelanjutan tempoh percubaan berbanding 1,299 pegawai pada tahun 2010. Sebanyak 142 pegawai dari Kumpulan Pengurusan dan Profesional dan sebanyak 1,282 pegawai dari Kumpulan Sokongan telah dilanjutkan tempoh percubaan. Pecahan perbandingan pelanjutan tempoh percubaan adalah seperti Jadual 30.

**JADUAL 30**  
**PELANJUTAN TEMPOH PERCUBAAN BAGI TAHUN 2010 – 2011**

BIL.	PERKHIDMATAN	2010			2011		
		PENGURUSAN & PROFESIONAL	SOKONGAN	JUMLAH	PENGURUSAN & PROFESIONAL	SOKONGAN	JUMLAH
1.	Perkhidmatan Awam Am Persekutuan	168	1,142	1,292	139	1,270	1,409
2.	Perkhidmatan Awam Negeri:	-	2	2	0	3	3
	(i) Melaka	-	1	1	3	7	10
	(ii) Pulau Pinang	-	4	4	0	2	2
	(iii) Negeri Sembilan	-	0	0	0	0	0
	(iv) Perlis	-					
	Jumlah	-	7	7	3	12	15
	<b>Jumlah Keseluruhan</b>	<b>168</b>	<b>1,131</b>	<b>1,299</b>	<b>142</b>	<b>1,282</b>	<b>1,424</b>

■ **Pemberian Taraf Berpencen**

Seseorang pegawai tetap yang telah disahkan dalam perkhidmatan, tidak bersetuju memilih opsyen skim Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan telah berkhidmat selama tidak kurang daripada tiga tahun yang boleh diambil kira, boleh diberi taraf berpencen oleh Suruhanjaya mengikut Peraturan 36(1) dan (2), Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2005.

Pada tahun 2011, Suruhanjaya telah meluluskan pemberian taraf berpencen kepada 30,902 pegawai dari Perkhidmatan Awam Am Persekutuan dan Perkhidmatan Awam Negeri Melaka, Pulau Pinang, Negeri Sembilan dan Perlis berbanding 25,271 pegawai pada tahun 2010 dengan pertambahan sebanyak 22.3%. Pecahan urusan pemberian taraf berpencen bagi tahun 2010 dan tahun 2011 adalah seperti Jadual 31. Urusan pemberian taraf berpencen kepada pegawai Kumpulan Sokongan seperti di Jadual adalah melibatkan Kumpulan Sokongan I sahaja. Bagi Kumpulan Sokongan II, urusan pemberian taraf berpencen adalah dilaksanakan oleh Ketua Jabatan di bawah kuasa yang diwakilkan oleh Suruhanjaya dan tidak ditunjukkan di Jadual.

**JADUAL 31**

## PEMBERIAN TARAF BERPENGENCEN BAGI TAHUN 2010 – 2011

BIL.	PERKHIDMATAN	2010			2011		
		PENGURUSAN & PROFESIONAL	SOKONGAN	JUMLAH	PENGURUSAN & PROFESIONAL	SOKONGAN	JUMLAH
1.	Perkhidmatan Awam Am Persekutuan	3,806	21,079	24,885	4,388	25,988	30,376
2.	Perkhidmatan Awam Negeri:	10	97	107	7	107	114
	(i) Melaka	22	90	112	3	228	231
	(ii) Pulau Pinang	57	98	155	15	155	170
	(iii) Negeri Sembilan	3	9	12	0	11	11
	(iv) Perlis						
	Jumlah	92	294	386	25	501	526
	<b>Jumlah Keseluruhan</b>	<b>3,898</b>	<b>21,373</b>	<b>25,271</b>	<b>4,413</b>	<b>26,489</b>	<b>30,902</b>

#### ■ Kembali Ke Dalam Skim Perkhidmatan Terdahulu

Seseorang pegawai yang telah disahkan dalam perkhidmatan terdahulu sebelum dilantik ke dalam skim perkhidmatan yang lain boleh dibenarkan kembali ke dalam skim perkhidmatan terdahulu apabila gagal untuk disahkan ke dalam skim perkhidmatan yang lain dengan syarat ada kekosongan jawatan dalam skim perkhidmatan terdahulu, kegagalan pegawai untuk disahkan mestilah bukan atas sebab kelakuannya yang tidak memuaskan dan persetujuan Ketua Perkhidmatan yang berkenaan diperolehi. Pada tahun 2011, terdapat 12 pegawai telah dikembalikan ke dalam skim perkhidmatan terdahulu, berbanding dengan 10 pegawai pada tahun 2010.

#### ■ Pembatalan Tawaran Pelantikan

Seseorang calon yang gagal memenuhi syarat tawaran pelantikan, iaitu sama ada disebabkan oleh keadaan kesihatan yang tidak memuaskan atau membuat akuan berkanun palsu boleh dibatalkan tawaran pelantikannya mengikut Peraturan 19, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2005. Pada tahun 2011, 10 orang pegawai telah dibatalkan tawaran pelantikan oleh Suruhanjaya berbanding dengan 28 pegawai pada tahun 2010.

#### ■ Notis Penamatan Perkhidmatan

Perkhidmatan seseorang pegawai tidak boleh ditamatkan di bawah Peraturan 46 atau 47, Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2005 melainkan jika pegawai itu telah diberi peluang untuk menunjukkan sebab, dalam tempoh tiga puluh hari dari tarikh penerimaan notis untuk menunjukkan sebab, mengapa perkhidmatannya tidak boleh ditamatkan.

Pada tahun 2011, Suruhanjaya telah mengeluarkan 231 notis penamatan kepada pegawai bagi memberi peluang kepada pegawai mengemukakan sebab mengapa perkhidmatan mereka tidak boleh ditamatkan berbanding 189 notis pada tahun 2010.

#### ■ Penamatan Perkhidmatan

Pegawai yang dilantik ke perkhidmatan awam mestilah sihat dan tidak menyembunyikan apa-apa maklumat tentang kesihatannya, tidak membuat akuan berkanun palsu, menandatangani Surat Aku Janji, tidak memalsukan apa-apa dokumen yang berhubungan dengan pelantikannya dan lulus tapisan keselamatan, jika disyaratkan. Pegawai yang tidak memenuhi syarat-syarat yang dinyatakan boleh ditamatkan perkhidmatannya mengikut Peraturan 46, Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2005. Bagi pegawai yang gagal disahkan dalam perkhidmatan selepas tamat tempoh percubaan mereka kerana gagal memenuhi syarat pengesahan yang ditetapkan, juga boleh ditamatkan perkhidmatannya mengikut Peraturan 47(1), Peraturan-peraturan yang sama.

Suruhanjaya telah menamatkan perkhidmatan 167 orang pegawai pada tahun 2011 berbanding 129 orang pegawai pada tahun 2010. Maklumat adalah seperti Jadual 32.

**JADUAL 32**  
PERTUKARAN PERKHIDMATAN BAGI TAHUN 2010 – 2011

BIL.	SEBAB PENAMATAN PERKHIDMATAN	2010			2011		
		PENGURUSAN & PROFESIONAL	SOKONGAN	JUMLAH	PENGURUSAN & PROFESIONAL	SOKONGAN	JUMLAH
1.	Tidak lulus peperiksaan	8	40	48	1	22	23
2.	Tidak mendapat perakuan Ketua Jabatan	5	71	76	5	137	142
3.	Membuat Akuan Palsu	0	3	3	0	2	2
4.	Sembunyi maklumat kesihatan/peribadi	0	2	2	0	0	0
5.	Memalsukan dokumen	0	0	0	0	0	0
6.	Gagal Tapisan Keselamatan	0	0	0	0	0	0
7.	Prestasi/ Tatakelakuan	0	0	0	0	0	0
<b>JUMLAH</b>		<b>13</b>	<b>116</b>	<b>129</b>	<b>6</b>	<b>161</b>	<b>167</b>

#### ■ Pertukaran

Pertukaran yang diuruskan oleh Suruhanjaya melibatkan:

- 1) pertukaran seseorang pegawai dalam skim perkhidmatan yang sama atau berlainan dalam perkhidmatan yang berada di bawah bidang kuasa Suruhanjaya;
- 2) pertukaran seseorang pegawai dari Perkhidmatan Awam dan Badan Berkanun yang berada di bawah Pihak Berkuasa Melantik yang lain dan pegawai badan berkanun ke Perkhidmatan Awam di bawah bidang kuasa Suruhanjaya; dan
- 3) pelepasan seseorang pegawai di bawah bidang kuasa Suruhanjaya ke Perkhidmatan Awam di bawah Pihak Berkuasa Melantik yang lain.

Pertukaran ini dilaksanakan mengikut Surat Pekeliling Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia Bilangan 1 Tahun 2005, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2007, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 17 Tahun 2002 dan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 12 Tahun 2008 melalui kaedah berikut:

- 1) pertukaran perkhidmatan;
- 2) pertukaran pelantikan;
- 3) pelantikan secara pertukaran sementara;
- 4) pelantikan secara peminjaman;
- 5) pelantikan secara pertukaran tetap perkhidmatan; dan
- 6) pelepasan dari Perkhidmatan Awam Am Persekutuan.

## ■ Pertukaran Perkhidmatan

Pertukaran seseorang pegawai ke jawatan dalam skim perkhidmatan yang sama dan berada di bawah Pihak Berkuasa Melantik yang sama di bawah Ketua Perkhidmatan yang berlainan dengan persetujuan Ketua Jabatan asal pegawai dan Ketua Jabatan agensi penerima. Alasan yang boleh dijadikan asas pertimbangan Suruhanjaya dalam meluluskan pertukaran perkhidmatan seseorang pegawai adalah seperti berikut :

- 1) faktor perikemanusiaan seperti mengikuti suami atau isteri; menjaga ibu bapa atau ahli keluarga yang uzur; atau sebab kesihatan; atau
- 2) arahan Kerajaan yang memerlukan pegawai bertugas di agensi awam yang tidak membolehkan beliau ditempatkan secara pertukaran biasa; atau
- 3) perkhidmatan, kemahiran, kepakaran atau pengalaman pegawai sangat diperlukan oleh agensi penerima; dan
- 4) tidak menjejaskan peluang kenaikan pangkat pegawai sedia ada di agensi penerima jika pertukaran pelantikan melibatkan jawatan kenaikan pangkat.

Kelulusan pertukaran perkhidmatan yang diuruskan oleh Suruhanjaya adalah mengikut Surat Pekeliling Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia Bilangan 1 Tahun 2005. Pada tahun 2011, Suruhanjaya telah meluluskan 144 pertukaran perkhidmatan berbanding dengan 10,749 pertukaran pada tahun 2010. Pengurangan ini disebabkan oleh pembekuan pengambilan pegawai awam mulai Mei hingga Disember 2011. Maklumat pertukaran perkhidmatan adalah seperti Jadual 33.

**JADUAL 33**  
PERTUKARAN PERKHIDMATAN BAGI TAHUN 2010 – 2011

<b>BIL.</b>	<b>PERKHIDMATAN</b>	<b>2010</b>	<b>2011</b>
1.	Dalam Perkhidmatan Awam Am Persekutuan		
	(a) Pertukaran Perkhidmatan atas Permohonan Pegawai	164	90
	(b) Pertukaran Perkhidmatan atas Polisi Kerajaan	10,519	10,519
2.	Dari Perkhidmatan Awam Negeri di bawah bidang kuasa Suruhanjaya ke Perkhidmatan Awam Am Persekutuan	66	24
	<b>JUMLAH</b>	<b>10,749</b>	<b>114</b>

## ■ Pertukaran Pelantikan Atas Permohonan Sendiri

Pertukaran pelantikan atas permohonan sendiri dilaksanakan bagi membolehkan seseorang pegawai berpindah ke skim perkhidmatan yang sama di Pihak Berkuasa Melantik yang lain ke tempat pilihan mereka atas sebab-sebab tertentu. Pegawai yang telah disahkan dalam perkhidmatan dan memenuhi kriteria-kriteria serta syarat-syarat pertukaran pelantikan yang ditetapkan sahaja akan dipertimbangkan.

Urusan pertukaran pelantikan atas permohonan sendiri ini dilaksanakan berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 17 Tahun 2002. Pada tahun 2011, Suruhanjaya telah meluluskan 70 pertukaran pelantikan berbanding dengan 166 pertukaran pelantikan pada tahun 2010.

## ■ Pertukaran Pelantikan Melalui Pemberian Opsyen

Pertukaran pelantikan melalui pemberian opsyen bermaksud perpindahan seseorang pegawai dari satu skim perkhidmatan yang sama atau berlainan yang timbul akibat pembubaran atau pemansuhan jawatan yang perlu dibuat melalui opsyen. Pegawai yang menolak tawaran pertukaran pelantikan hendaklah dibersarakan di bawah Seksyen 10(5)(b) atau 10(5)(c) Akta Pencen 1980 (bagi pegawai berpencen) atau ditamatkan perkhidmatan (bagi pegawai tidak berpencen).

Pada tahun 2011, Suruhanjaya telah meluluskan pertukaran pelantikan melalui pemberian opsi kepada 3,264 orang pegawai berbanding 23,126 orang pegawai pada tahun 2010. Bilangan pegawai yang terlibat dalam pertukaran pelantikan melalui pemberian opsi adalah bergantung kepada pekeliling perkhidmatan yang dikeluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam dari semasa ke semasa.

#### ■ Pelantikan Secara Pertukaran Sementara

Pelantikan secara pertukaran sementara bermaksud pelantikan seseorang pegawai ke perkhidmatan yang lain di bawah perenggan (a), (b), (c), (d) dan (h) Fasal (1) Perkara 132 Perlembagaan Persekutuan atau pelantikan ke suatu jawatan dalam skim perkhidmatan yang lain di bawah pihak berkuasa melantik yang sama untuk tempoh tertentu tanpa memutuskan ikatan pegawai itu dengan perkhidmatan terdahulunya. Pertukaran sementara ini biasanya untuk mengisi jawatan terbuka.

Pada tahun 2011, Suruhanjaya telah meluluskan 615 pelantikan secara pertukaran sementara pegawai dalam Perkhidmatan Awam Am Persekutuan bagi mengisi jawatan di Kementerian / Jabatan dan Perkhidmatan Awam Negeri di bawah bidang kuasa Suruhanjaya, berbanding 680 pertukaran pada tahun 2010.

#### ■ Pemendekan Pertukaran Sementara

Pemendekan pertukaran sementara adalah proses memendekkan tempoh kelulusan pertukaran sementara pegawai. Pemendekan pertukaran sementara ini dilaksanakan sama ada atas permohonan pegawai atau atas perakuan Ketua Jabatan berdasarkan sebab-sebab tertentu seperti kenaikan pangkat pegawai di jawatan hakiki yang lebih tinggi daripada pangkat jawatan pertukaran sementara, dan sebagainya. Pada tahun 2011, Suruhanjaya telah meluluskan 235 pemendekan pertukaran sementara berbanding dengan 190 pada tahun 2010.

#### ■ Pelarasan Gaji Pertukaran Sementara

Pelarasan gaji pertukaran sementara adalah proses menyelaraskan gaji pegawai yang dilantik secara pertukaran sementara berikutan kenaikan gaji di jawatan hakiki pegawai selepas tarikh kelulusan pertukaran sementara. Urusan pelarasan gaji pertukaran sementara ini dilaksanakan berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 2007 dan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 12 Tahun 2008. Pada tahun 2011, Suruhanjaya telah meluluskan 62 pelarasan gaji pertukaran sementara berbanding dengan 58 penyelarasan gaji pada tahun 2010.

#### ■ Pelantikan Secara Peminjaman

Pelantikan secara peminjaman ialah pelantikan seseorang pegawai perkhidmatan di bawah perenggan (a), (b), (c), (d), dan (h) Fasal (1) Perkara 132 Perlembagaan Persekutuan ke perkhidmatan di bawah perenggan (g) Fasal (1) Perkara 132 Perlembagaan Persekutuan, pihak berkuasa berkanun, pihak berkuasa tempatan atau mana-mana organisasi di dalam atau di luar Malaysia. Suruhanjaya telah meluluskan 108 pelantikan secara peminjaman pada tahun 2011 berbanding dengan 104 pada tahun 2010.

#### ■ Pertukaran Tetap Perkhidmatan

Pertukaran tetap perkhidmatan ialah pelantikan pegawai yang sedang berkhidmat secara peminjaman atau pertukaran sementara ke mana-mana jawatan di agensi peminjam di mana dengan pelantikan itu hubungan pegawai dengan perkhidmatan asalnya terputus kecuali bagi tujuan faedah pencen dan faedah yang lain seperti yang ditetapkan dalam syarat pertukaran tetap. Pada tahun 2011, Suruhanjaya telah meluluskan 37 pertukaran tetap perkhidmatan pegawai berbanding dengan 13 pada tahun 2010.

Maklumat mengenai pelantikan secara pertukaran sementara, pemendekan pertukaran sementara, pelarasan gaji pertukaran sementara, peminjaman dan pertukaran tetap perkhidmatan bagi tahun 2010 dan 2011 adalah seperti Jadual 34.

**JADUAL 34**

PELANTIKAN SECARA PERTUKARAN SEMENTARA, PEMENDEKAN PERTUKARAN SEMENTARA, PELARASAN GAJI PERTUKARAN SEMENTARA, PEMINJAMAN, PERTUKARAN TETAP PERKHIDMATAN BAGI TAHUN 2010 - 2011

<b>BIL.</b>	<b>URUSAN</b>	<b>2010</b>	<b>2011</b>
1.	Pelepasan untuk peminjaman	680	615
2.	Pelepasan untuk pertukaran pelantikan	190	235
3.	Pelarasn Gaji Pertukaran Sementara	58	62
4.	Pelantikan Secara Peminjaman	104	108
5.	Pertukaran Tetap Perkhidmatan		
	(i) Pelantikan secara pertukaran Sementara ke Perkhidmatan Tetap	10	37
	(ii) Pelantikan secara peminjaman ke Perkhidmatan Tetap	3	0
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		<b>1,045</b>	<b>1,057</b>

■ **Pelepasan Untuk Peminjaman Dan Pertukaran Pelantikan**

Pelepasan untuk pelantikan secara peminjaman bermaksud pelepasan yang diberikan kepada seseorang pegawai oleh Suruhanjaya untuk berkhidmat dalam perkhidmatan di bawah Pihak Berkuasa Melantik yang lain bagi suatu tempoh tertentu di mana hubungan pegawai dengan perkhidmatan asalnya tidak terputus.

Pelepasan untuk pertukaran pelantikan bermaksud pelepasan yang diberikan kepada seseorang pegawai oleh Suruhanjaya untuk bertukar pelantikan di bawah Pihak Berkuasa Melantik yang lain di mana hubungan pegawai dengan perkhidmatan asalnya terputus kecuali bagi tujuan faedah pencen dan faedah lain yang ditetapkan.

Pada tahun 2011, Suruhanjaya telah meluluskan 344 permohonan di mana 298 adalah pelepasan untuk peminjaman dan 45 melibatkan pelepasan untuk pertukaran pelantikan berbanding dengan tahun 2010, Suruhanjaya telah meluluskan 138 permohonan, iaitu 133 permohonan bagi pelepasan untuk peminjaman dan lima pelepasan untuk pertukaran pelantikan. Maklumat pelepasan untuk peminjaman dan pertukaran pelantikan bagi tahun 2010 dan 2011 adalah seperti Jadual 35.

**JADUAL 35**

PELEPASAN UNTUK PEMINJAMAN DAN PERTUKARAN PELANTIKAN BAGI TAHUN 2010 - 2011

<b>BIL.</b>	<b>URUSAN</b>	<b>2010</b>	<b>2011</b>
1.	Pelepasan untuk peminjaman	133	298
2.	Pelepasan untuk pertukaran pelantikan	5	46
<b>JUMLAH</b>		<b>138</b>	<b>344</b>

## ■ Penetapan Gaji Permulaan

Penetapan gaji permulaan seseorang pegawai dilaksanakan berdasarkan kepada peraturan berikut:

- seseorang pegawai yang dilantik bagi kali pertama ke dalam perkhidmatan awam akan dibayar gaji permulaan dalam tangga gaji jawatan skim perkhidmatan yang dimasukinya;
- pegawai yang telah disahkan kemudiannya dilantik ke dalam skim perkhidmatan yang lain, gaji permulaan pegawai itu hendaklah pada suatu mata gaji yang lebih tinggi seperti yang diperuntukkan di bawah Peraturan 23(5), Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2005; dan
- pegawai yang dilantik bagi kali pertama dan memiliki pengalaman yang relevan dengan jawatan yang akan disandangnya boleh diberikan gaji permulaan yang lebih tinggi berdasarkan satu pergerakan gaji biasa bagi tiap-tiap genap satu tahun pengalaman yang relevan itu seperti yang diperuntukkan di bawah Peraturan 23(2), Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2005.

Pada tahun 2011, Suruhanjaya telah meluluskan 2,266 urusan penetapan gaji permulaan pegawai Perkhidmatan Awam iaitu sebanyak 1,338 di bawah Peraturan 23(2) iaitu berdasarkan pengalaman relevan dan sebanyak 928 di bawah Peraturan 23(5), Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2005. Maklumat penetapan gaji permulaan bagi tahun 2010 dan 2011 adalah seperti Jadual 36.

**JADUAL 36**  
PENETAPAN GAJI PERMULAAN BAGI TAHUN 2010 – 2011

<b>BIL.</b>	<b>URUSAN</b>	<b>2010</b>	<b>2011</b>
1.	Pegawai tetap yang dilantik ke jawatan baru mengikut Peraturan 23(5), Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2005.	1,118	928
2.	Pegawai yang dilantik mempunyai pengalaman di sektor swasta mengikut Peraturan 23(2), Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2005.	1,527	1,338
<b>JUMLAH</b>		<b>2,645</b>	<b>2,266</b>

### **Naziran Urusan Perkhidmatan**

Naziran Urusan Perkhidmatan adalah bertujuan untuk memastikan urusan perkhidmatan yang dilaksanakan oleh Kementerian/Jabatan bagi pegawai lantikan SPA mematuhi Dasar dan Peraturan, Pekeliling, Surat Pekeliling, Pandangan Perundangan dan Ruling Suruhanjaya dari semasa ke semasa. Prosedur ini digunapakai oleh Unit Naziran Bahagian Perkhidmatan SPA Putrajaya dalam memantau urusan perkhidmatan yang dilaksanakan oleh Kementerian/Jabatan bagi urusan-urusan Pengesahan Pelantikan, Pengesahan Dalam Perkhidmatan, Pelanjutan Tempoh Percubaan, Pemberian Taraf Berpencen, Kembali Ke Dalam Skim Perkhidmatan Terdahulu, Pembatalan Tawaran Pelantikan, Penamatan Perkhidmatan, Penetapan Gaji Permulaan dan Pertukaran Perkhidmatan.

Selain itu, naziran juga membuat semakan secara rawak ke atas fail yang diberi pewakilan kuasa di bawah Suratcara Pewakilan Kuasa P.U.(B) 496 untuk memastikan urusan perkhidmatan yang dilaksanakan di Jabatan/Agensi yang dikemukakan ke Kementerian adalah mengikut peraturan yang telah ditetapkan. Usaha ini bertujuan membantu Jabatan/Agensi amnya dan Kementerian khususnya bagi memperbaiki serta mengatasi kelemahan yang berlaku agar perkara yang sama tidak berulang di masa hadapan. Pasukan naziran turut memberi taklimat ringkas berkenaan kesilapan lazim urusan perkhidmatan, perkongsian ilmu dan khidmat nasihat serta penjelasan berhubung soalan yang dikemukakan oleh Jabatan/Agensi semasa naziran dilaksanakan.

Kementerian/Jabatan yang terlibat dalam urusan naziran telah dimaklumkan keputusan dan penemuan naziran untuk penambahbaikan urusan perkhidmatan. Semua Kementerian/Jabatan yang dinazir diminta memberi kerjasama ke atas perkara berikut:

- i. menggunakan senarai semak yang diedarkan oleh Suruhanjaya dan memanjangkan penggunaan senarai semak ke Jabatan/Agensi Negeri di bawah tanggungjawab mereka;
- ii. menghantar perakuan terus ke Suruhanjaya bagi mempercepatkan proses dengan syarat setiap urusan yang dihantar dari Jabatan/Agensi disalinkan ke Kementerian supaya Kementerian mengambil maklum urusan yang dilaksanakan;
- iii. menjalankan naziran urusan perkhidmatan secara berkala ke Jabatan/Agensi Negeri agar urusan perkhidmatan dapat dilaksanakan dengan lebih tersusun dan sistematik; dan
- iv. memberi perhatian ke atas cadangan notis Penamatan Perkhidmatan pegawai bagi memastikan cadangan notis tersebut dapat diserahkan kepada pegawai mengikut jadual yang ditetapkan.

# URUSAN KENAIKAN PANGKAT DAN TATATERTIB



**Pusat Temu Duga SPA Ipoh,  
Perak**

Lot No. D-5-10, D-5-11, D-5-12 & D-5-13,  
Greentown Square, Jalan  
Dato' Ahmad Said,  
30450 Ipoh, Perak



## URUSAN KENAIKAN PANGKAT DAN TATATERTIB

### PENGENALAN

Perkara 144(1), Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan antara fungsi/tugas Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia adalah untuk menaikkan pangkat dan menjalankan kawalan tatatertib ke atas anggota-anggota bagi perkhidmatan Perkhidmatan Awam Am Persekutuan, Perkhidmatan Awam Bersama dan Perkhidmatan Awam Negeri Melaka, Pulau Pinang, Perlis dan Negeri Sembilan. Bahagian Naik Pangkat dan Tatatertib berfungsi untuk melaksanakan segala tugas yang berkaitan dengan fungsi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia berhubung kenaikan pangkat dan kawalan tatatertib, meliputi urusan-urusan berikut:

1. Menguruskan Tindakan Tatatertib Dengan Tujuan Buang Kerja Atau Turun Pangkat;
2. Menguruskan Kes-Kes Rayuan Tatatertib;
3. Menguruskan Urusan Kenaikan Pangkat; dan
4. Menguruskan Urusan Rayuan Kenaikan Pangkat.

### KENAIKAN PANGKAT

Suruhanjaya melaksanakan Urusan Kenaikan Pangkat Ahli Lembaga Perkhidmatan Awam bagi jawatan-jawatan berikut:

1. Ketua Setiausaha Negara
2. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
3. Ketua Setiausaha Perbendaharaan
4. Ketua Setiausaha Kementerian Luar Negeri
5. Ketua Pengarah Kesihatan
6. Ketua Pengarah Kerja Raya

Suruhanjaya juga melaksanakan Urusan Kenaikan Pangkat bagi Skim Perkhidmatan Bersepadu (integrated scheme of service). Walaubagaimanapun, mulai 1 April 2010 Urusan Kenaikan Pangkat bagi Skim Perkhidmatan Bersepadu telah diserahkan kepada Jabatan Perkhidmatan Awam selaku Lembaga Kenaikan Pangkat. Namun demikian, Suruhanjaya pada tahun 2011 masih lagi melaksanakan urusan ini memandangkan Suruhanjaya merupakan Pihak Berkuasa Kenaikan Pangkat kerana bagi mana-mana prosiding yang belum selesai sebelum permulaan kuat kuasa Peraturan-Peraturan Lembaga Kenaikan Pangkat 2010 iaitu pada 1 April 2010.

Sepanjang tahun 2011, Suruhanjaya telah menjalankan empat (4) urusan Kenaikan Pangkat Ahli Lembaga Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Awam seperti di Jadual 37 dan tiga (3) urusan Kenaikan Pangkat Skim Perkhidmatan Bersepadu seperti di Jadual 38.

### JADUAL 37

#### URUSAN KENAIKAN PANGKAT AHLI LEMBAGA KENAIKAN PANGKAT PERKHIDMATAN AWAM BAGI TAHUN 2010- 2011

BIL.	URUSAN	2010 (BIL. PEGAWAI)	2011 (BIL. PEGAWAI)
1.	Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Gred Utama Turus I	-	1
2.	Ketua Pengarah Kesihatan Kementerian Kesihatan Malaysia, Gred Utama Turus II	-	1
3.	Ketua Setiausaha Kementerian Luar Negeri, Gred Utama Turus III (KUP)	-	1
4.	Ketua Pengarah Kerja Raya Kementerian Kerja Raya, Gred Utama Turus III	-	1
	JUMLAH	-	4

**JADUAL 38**

URUSAN KENAIKAN PANGKAT SKIM PERKHIDMATAN BERSEPADU BAGI TAHUN 2010- 2011

<b>BIL.</b>	<b>URUSAN</b>	<b>2010 (BIL. PEGAWAI)</b>	<b>2011 (BIL. PEGAWAI)</b>
1.	Kenaikan Pangkat Skim Perkhidmatan Bersepadu bagi jawatan Jururawat Gred U29/U36 ke Gred U42 di Kementerian Pertahanan	204	-
2.	Kenaikan Pangkat Penolong Pegawai Perubatan Gred U29/U32/U36 ke Gred U42	76	-
3.	Kenaikan Pangkat Juru X-Ray Gred U41/42 (Skim Perkhidmatan Bersepadu)	32	-
4.	Kenaikan Pangkat Penguasa Imigresen Gred KP42 (Skim Perkhidmatan Bersepadu)	25	3
5.	Pemangkuan Penolong Pegawai Kesihatan Persekutuan Gred U41/42 (Skim Perkhidmatan Bersepadu)	39	-
6.	Kenaikan Pangkat Skim Perkhidmatan Bersepadu Leftenan Madya Maritim Gred X18	-	23
7.	Pemangkuan Jawatan Pegawai Pendaftaran Gred KP42 (Skim Perkhidmatan Bersepadu)	-	10
<b>JUMLAH</b>		<b>376</b>	<b>*36</b>

Nota: \* Mulai 1 April 2010 Urusan Kenaikan Pangkat bagi Skim Perkhidmatan Bersepadu telah diserahkan kepada Jabatan Perkhidmatan Awam selaku Lembaga Kenaikan Pangkat

**RAYUAN KENAIKAN PANGKAT**

Suruhanjaya berfungsi sebagai Lembaga Rayuan Kenaikan Pangkat bagi menimbang rayuan yang melibatkan pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional dan Kumpulan Sokongan I (Gred 17 hingga 40) dalam Perkhidmatan Awam Am Persekutuan serta Perkhidmatan Awam Negeri Melaka, Pulau Pinang, Negeri Sembilan dan Perlis mulai 1 April 2010 sebagaimana diperuntukkan dalam Peraturan-Peraturan Lembaga Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Awam 2010.

Sepanjang tahun 2011, Suruhanjaya selaku Lembaga Rayuan Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Awam yang berkenaan telah menimbang 45 kes dalam lima (5) jenis urusan iaitu urusan merayu kerana gagal dinaikkan pangkat (12 kes), merayu membelakangkan tarikh kenaikan pangkat (14 kes), merayu kerana gagal dalam urusan pemangkuan (16 kes), merayu untuk meminda tarikh pemangkuan ( 1 kes) dan merayu daripada ditamatkan pemangkuan ( 2 kes).

Daripada jumlah kes tersebut, rayuan 16 orang pegawai yang merayu kerana gagal dinaikkan pangkat, rayuan 45 orang pegawai yang merayu membelakangkan tarikh kenaikan pangkat, rayuan 51 orang merayu kerana gagal dalam urusan pemangkuan, rayuan dua (2) orang pegawai yang merayu untuk meminda tarikh pemangkuan dan rayuan dua (2) orang pegawai yang merayu daripada ditamatkan pemangkuan telah ditolak. Hanya rayuan daripada seorang (1) pegawai yang merayu membelakangkan tarikh kenaikan pangkat telah diterima.

Berbanding pada tahun 2010, Suruhanjaya selaku Lembaga Rayuan Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Awam yang berkenaan telah menimbang 31 kes dalam dua (2) jenis urusan iaitu merayu membelakangkan tarikh kenaikan pangkat (27 kes) dan merayu kerana gagal dalam urusan pemangkuan (4 kes).

Daripada jumlah kes tersebut, rayuan 55 orang pegawai bagi membelakangkan tarikh kenaikan pangkat dan rayuan tujuh (7) orang pegawai kerana gagal dalam urusan pemangkuan telah ditolak. Hanya rayuan daripada lima (5) orang pegawai bagi membelakangkan tarikh kenaikan pangkatnya telah diterima. Maklumat lanjut seperti di Jadual 39.

**JADUAL 39**

URUSAN RAYUAN KENAikan PANGKAT/PEMANGKUAN BAGI TAHUN 2010 – 2011

BIL.	URUSAN	TAHUN 2010			TAHUN 2011						
		BIL. KES	BIL. PEGAWAI	KEPUTUSAN			BIL. KES	BIL. PEGAWAI	KEPUTUSAN		
				TERIMA	TOLAK	REMIT			TERIMA	TOLAK	REMIT
1.	Rayuan kerana gagal dinaikkan pangkat	-	-	-	-	-	12	16	-	16	-
2.	Rayuan membelakangkan tarikh kenaikan pangkat	27	60	5	55	-	14	46	1	45	-
3.	Rayuan kerana gagal dalam urusan pemangkuhan	4	7	-	7	-	16	51	-	51	-
4.	Rayuan untuk meminda tarikh pemangkuhan	-	-	-	-	-	1	2	-	2	-
5.	Rayuan daripada ditamatkan pemangkuhan	-	-	-	-	-	2	2	-	2	-
<b>JUMLAH BESAR</b>		<b>31</b>	<b>67</b>	<b>5</b>	<b>62</b>	<b>-</b>	<b>45</b>	<b>117</b>	<b>1</b>	<b>116</b>	<b>-</b>

**KAWALAN TATATERTIB**

Berdasarkan peruntukan undang-undang, khususnya Peraturan-Peraturan Lembaga Tatatertib Perkhidmatan Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993, sebahagian kuasa kawalan tatatertib dijalankan oleh Lembaga Tatatertib di peringkat kementerian, jabatan dan pentadbiran negeri yang berkenaan. Suruhanjaya hanya berfungsi sebagai Pihak Berkuasa Tatatertib bagi kes seperti berikut:

- tindakan tatatertib dengan tujuan buang kerja atau turun pangkat yang melibatkan pegawai Kumpulan Tertinggi dan Kumpulan Pengurusan dan Profesional di dalam Perkhidmatan Awam Am Persekutuan; dan
- tindakan tatatertib dengan tujuan buang kerja atau turun pangkat yang melibatkan pegawai dalam Kumpulan Pengurusan Tertinggi, Kumpulan Pengurusan dan Profesional dalam Perkhidmatan Awam bagi Negeri Melaka, Pulau Pinang, Negeri Sembilan dan Perlis.

Sepanjang tahun 2011, Suruhanjaya telah memutuskan 44 kes tindakan tatatertib berbanding dengan 42 kes pada tahun 2010. Maklumat lanjut adalah seperti Jadual 40.

**JADUAL 40**

TINDAKAN TATATERTIB BAGI TAHUN 2010 – 2011

BIL.	JENIS KESALAHAN	2010	2011
1.	Tidak hadir bertugas	22	28
2.	Sabitan Mahkamah	4	4
3.	Tatakelakuan	16	12
<b>JUMLAH</b>		<b>42</b>	<b>44</b>

## ■ Tahan Kerja

Perintah tahan kerja dikenakan ke atas pegawai apabila telah dimulakan prosiding-prosiding berikut:

- Prosiding jenayah
- Prosiding tindakan tatatertib dengan tujuan buang kerja atau turun pangkat

Pada tahun 2011, Suruhanjaya telah menahan kerja lapan (8) orang pegawai yang sedang menghadapi prosiding jenayah di mahkamah berbanding 13 orang pegawai pada tahun 2010. Maklumat lanjut adalah seperti Jadual 41.

**JADUAL 41**  
KES TAHAN KERJA / PENAMATAN TAHAN KERJA  
BAGI TAHUN 2010-2011

<b>BIL.</b>	<b>JENIS KESALAHAN</b>	<b>2010</b>	<b>2011</b>
1.	Akta Pencegahan Rasuah 1997/Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah 2009	13	7
2.	Kesalahan Jenayah oleh Mahkamah Syariah	-	1
<b>JUMLAH</b>		<b>13</b>	<b>8</b>

## ■ Gantung Kerja

Perintah gantung kerja dikenakan ke atas pegawai dalam keadaan seperti berikut:

- pegawai telah disabitkan oleh mana-mana mahkamah; atau
- suatu perintah tahanan, pengawasan, kediaman terhad, buang negeri dan sebagainya seperti dinyatakan di bawah Peraturan 32 telah dibuat terhadap pegawai.

Pada tahun 2011, Suruhanjaya telah menggantung kerja dua (2) orang pegawai yang telah disabitkan kesalahan oleh mahkamah atas kesalahan rasuah berbanding lima (5) orang pegawai pada tahun 2010, manakala kesalahan syariah telah mencatatkan sebanyak dua (2) kes. Maklumat lanjut seperti Jadual 42.

**JADUAL 42**  
KES GANTUNG KERJA / PENAMATAN GANTUNG KERJA  
BAGI TAHUN 2010 – 2011

<b>BIL.</b>	<b>JENIS KESALAHAN</b>	<b>2010</b>	<b>2011</b>
1.	Akta Pencegahan Rasuah 1997/Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah 2009	5	2
2.	Kesalahan Jenayah oleh Mahkamah Syariah	2	2
<b>JUMLAH</b>		<b>7</b>	<b>4</b>

## LEMBAGA RAYUAN TATATERTIB

Suruhanjaya juga berfungsi sebagai Lembaga Rayuan Tatatertib bagi kes seperti berikut:

- rayuan daripada semua kumpulan pegawai dalam Perkhidmatan Awam Am Persekutuan serta Perkhidmatan Awam Negeri Sembilan dan Perlis, yang dikenakan hukuman tatatertib oleh Lembaga Tatatertib di peringkat kementerian, jabatan atau pentadbiran negeri yang berkenaan; dan
- rayuan daripada pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional dalam Perkhidmatan Awam Negeri Melaka dan Pulau Pinang yang telah dikenakan hukuman selain buang kerja atau turun pangkat serta rayuan daripada pegawai Kumpulan Sokongan II dalam perkhidmatan awam tersebut, yang telah dikenakan hukuman buang kerja atau turun pangkat oleh Lembaga Tatatertib di pentadbiran negeri berkenaan.

Pada tahun 2011, Suruhanjaya telah memutuskan 391 kes rayuan tatatertib berbanding 311 kes pada tahun 2010. Maklumat lanjut adalah seperti Jadual 43.

**JADUAL 43**  
KEPUTUSAN RAYUAN TATATERTIB BAGI TAHUN 2010-2011

BIL.	PERKARA	TAHUN	
		2010	2011
1.	Rayuan Ditolak	253	349
2.	Remit	27	11
3.	Diringankan Hukuman	3	18
4.	Pegawai Dibebaskan	28	13
<b>JUMLAH</b>		<b>311</b>	<b>391</b>

# AKTIVITI-AKTIVITI SURUHANJAYA



**Pusat Temu Duga SPA Johor  
Bahru, Johor**

Lot 8C, Tingkat 8,  
Menara Ansar,  
No. 65 Jalan Trus,  
80000 Johor Bahru,  
Johor





Mesyuarat Khas Suruhanjaya di Pulau Langkawi

## **AKTIVITI - AKTIVITI SURUHANJAYA**

### **Mesyuarat Suruhanjaya**

Pada tahun 2011, Suruhanjaya telah mengadakan 38 kali Mesyuarat Suruhanjaya. Sebanyak 1,971 Kertas Suruhanjaya telah dipertimbangkan dan ini bermakna secara purata sebanyak 51 Kertas Suruhanjaya telah dibentangkan dalam setiap mesyuarat.

Mesyuarat Khas Suruhanjaya pula telah diadakan sebanyak satu (1) kali dengan 7 kertas pertimbangan. Mesyuarat Khas Suruhanjaya ini bertujuan membincangkan perkara dasar dan cadangan penambahbaikan urusan Suruhanjaya seperti pengambilan, perkhidmatan dan kawalan tatatertib. Mesyuarat ini telah diadakan di Pulau Langkawi pada 11 Julai 2011 hingga 13 Julai 2011.

### **Mesyuarat Lembaga Rayuan**

Suruhanjaya sebagai Lembaga Rayuan Tatatertib Perkhidmatan Awam telah mengadakan 38 kali mesyuarat dan telah berjaya menimbang 401 kertas perakuan. Sebagai Lembaga Rayuan Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Awam pula, 34 kali mesyuarat telah diadakan dan telah menimbang 45 kertas perakuan.

### **Persidangan Suruhanjaya-Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia**

Persidangan Suruhanjaya-Suruhanjaya Perkhidmatan Malaysia merupakan persidangan tahunan yang bertujuan untuk membolehkan peserta persidangan berkumpul dan berkongsi maklumat dalam melaksanakan fungsi masing-masing meliputi isu-isu berkaitan dengan urusan pengambilan, perkhidmatan dan kawalan tatatertib dalam perkhidmatan awam untuk meningkatkan kecemerlangan perkhidmatan.

Persidangan pada kali ini adalah kali ke-14 dan merupakan anjuran bersama Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Pahang dan Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran (SPP). Persidangan ini telah diadakan di pada 3 – 6 Oktober 2011 di Sultan Ahmad Shah International Convention Center, Kuantan, Pahang bertemakan “Perkhidmatan Awam Dinamik Pemacu Kecemerlangan”. Majlis perasmian telah disempurnakan oleh KDYMM Sultan Pahang. Seramai 134 orang peserta telah menghadiri persidangan ini yang terdiri daripada Pengerusi, Timbalan Pengerusi dan Ahli Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia, Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran, Suruhanjaya Perkhidmatan Negeri-Negeri, Suruhanjaya Pasukan Polis serta SUK Negeri Melaka, SUK Negeri Perlis, SUK Negeri Pulau Pinang dan SUK Negeri Sembilan.

#### **Objektif persidangan adalah seperti berikut:**

- Memberi peluang kepada peserta berkongsi pengalaman dan bertukar pandangan mengenai isu berkaitan dengan urusan pengambilan, perkhidmatan dan pengurusan sumber manusia dalam perkhidmatan awam; dan
- Membolehkan peserta menimba ilmu dari amalan terbaik urusan pengambilan dan pengurusan sumber manusia dan melaksanakannya ke arah perkhidmatan awam yang dinamik yang cemerlang.

Sebanyak sembilan (9) kertas kerja telah dibentangkan dalam lima (5) sesi di persidangan tersebut seperti berikut:

- Sesi 1: “Pengambilan Bakat Terbaik Dalam Perkhidmatan Awam”

Sesi ini telah dipengerusikan oleh YH. Dato’ Haji Alias bin Abdullah, Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Pahang dan dua (2) kertas kerja telah dibentangkan iaitu:

- (i) “Model Baru Urusan Pengambilan”

Oleh : Encik Ramli bin Juhari  
Timbalan Setiausaha (Pengambilan)  
Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia

- (ii) “Pengambilan Bakat Terbaik Dalam Perkhidmatan Pelajaran”

Oleh : YBhg. Tan Sri Dr. Zulkurnain bin Haji Awang  
Pengerusi  
Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran

■ Sesi 2: “Human Resource Management Best Practices: Recruitment And Exit Policy”

Sesi ini dipengerusikan oleh Y Bhg. Tan Sri Dr. Zulkurnain bin Haji Awang, Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran dan dua (2) kertas kerja telah dibentangkan iaitu:

(i) “Recruitment and Exit Policy as Practised by Bank Negara Malaysia”

Oleh : Encik Mohd. Adhari Belal Din  
Director Strategic Human Capital Department  
Bank Negara Malaysia

(ii) “Human Resource Management Best Practises: Recruitment And Exit Policy”

Oleh : Encik Adzhar bin Ibrahim  
Regional Head People Department  
Air Asia Berhad

■ Sesi 3: “Exit Policy Menjamin Perkhidmatan Awam Yang Dinamik”

Sesi ini dipengerusikan oleh YBhg. Dato’ Haji Emran bin Haji Kadir, Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Selangor dan tiga (3) kertas kerja telah dibentangkan oleh:

(i) **YBhg. Dato’ Yeow Chin Kiong**  
Pengarah Bahagian Pasca Perkhidmatan  
Jabatan Perkhidmatan Awam

(ii) **Exit Policy Di Dalam PDRM**  
YBhg. Dato’ Mohd Nizar bin Mohd Ali SAC  
Ketua Pengarah Pengurusan Perkhidmatan  
Polis DiRaja Malaysia

(iii) **Brig. Jen. Nazri bin Abu Bakar**  
Pengarah Jabatan Arah Rekod dan Pencen,  
Bahagian Perkhidmatan Anggota Markas  
Angkatan Tentera Malaysia

■ Sesi 4: “Pembangunan Modal Insan”

Sesi ini dipengerusikan oleh YBhg. Datuk Ismail Ag Besar Pengerusi, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Sabah dan satu kertas kerja telah dibentangkan iaitu:

“Raising The Bar For Technical And Vocational Education And Training (TVET) And Promoting Continous Profesional Development”

Oleh : Encik Zaliza bin Zulkipli  
Executive Director  
Pahang Skills Development Centre (PSDC)

■ Sesi 5: “Legitimate Expectation Dalam Pengurusan Sumber Manusia Sektor Awam”

Sesi ini dipengerusikan oleh YBhg. Dato’ Haji Kamarudzaman bin Mahmud, Pengerusi, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Perak dan satu (1) kertas kerja telah dibentangkan iaitu:

“Legitimate Expectation: Actions Against Public Officers”

Oleh : Tuan Amarjeet Singh A/L Serjit Singh  
Timbalan Ketua Bahagian Guaman I  
Jabatan Peguam Negara



Majlis Perasmian Persidangan Suruhanjaya-Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia ke-14 oleh KDYMM Sultan Pahang di Sultan Ahmad Shah Convention Centre, Kuantan Pahang.

Majlis Perasmian Persidangan Suruhanjaya-Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia ke-14 di Sultan Ahmad Shah Convention Centre, Kuantan Pahang oleh KDYMM Sultan Pahang



Keberangkatan tiba KDYMM Sultan Pahang ke Majlis Perasmian Persidangan Suruhanjaya-Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia ke-14 di Sultan Ahmad Shah Convention Centre, Kuantan, Pahang

Sultan Ahmad Shah International Convention Centre



Majlis Perasmian Persidangan Suruhanjaya-Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia ke-14 di Sultan Ahmad Shah Convention Centre, Kuantan Pahang oleh KDYMM Sultan Pahang

YBhg. Tan Sri Mohd Sidek Hassan, Ketua Setiausaha Negara bergambar bersama Pengerusi, Timbalan Pengerusi dan Setiausaha Suruhanjaya-Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia semasa Majlis Penutupan Persidangan Suruhanjaya-Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia ke-14 di Sultan Ahmad Shah Convention Centre, Kuantan, Pahang

Sultan Ahmad Shah International Convention Centre





YBhg. Tan Sri Mohd Sidek Hassan, Ketua Setiausaha Negara berucap semasa Majlis Penutupan Persidangan Suruhanjaya-Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia ke-14

YBhg. Tan Sri Mohd Sidek Hassan, Ketua Setiausaha Negara bersama YBhg. Tan Sri Jamaluddin Bin Hj Ahmad Damanhuri, Pengerusi SPA dan Ahli Suruhanjaya



## **PENSIJILAN SISTEM PENGURUSAN KUALITI (SPK) MS ISO 9001:2008 DI SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA**

Pelaksanaan standard MS ISO 9001:2008 di Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia (SPA) adalah bagi mematuhi Surat Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bilangan 2 Tahun 2002 yang dikeluarkan oleh MAMPU mengenai Garis Panduan Bagi Melaksanakan MS ISO 9001:2000 Dalam Perkhidmatan Awam. Pengenal standard ISO yang baru iaitu MS ISO 9001:2008 adalah untuk mewujudkan dan melaksana sistem kualiti yang cekap dan berkesan untuk kepuasan hati pelanggan. Sebelum ini SPA telah mendapat pensijilan MS ISO 9002:1994 pada 15 Jun 1998 di bawah skop Pelaksanaan Urusan Pelantikan Anggota Perkhidmatan Awam di Bawah Bidang Kuasa Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia (SPA) dan pemilihan Pelatih Separa Perubatan oleh Urus Setia SPA.

### **Pensijilan MS ISO 9001:2008 di SPA**

Berdasarkan kejayaan dan kelancaran Audit Pematuhan yang telah dijalankan pada 9-12 November 2009 di Ibu Pejabat SPA Putrajaya, Pejabat Urus Setia SPA Cawangan Sabah dan Pejabat Urus Setia SPA Cawangan Sarawak, SPA telah menerima pensijilan yang berstatus Standard Malaysia dan UKAS (United Kingdom Accreditation Services) dari United Kingdom oleh Syarikat Moody International Certification (Malaysia) Sdn. Bhd. pada 22 November 2009. Bagi tahun 2011, SPA telah berjaya mengekalkan sijil MS ISO 9001:2008.

Bagi mencapai kejayaan dalam urusan yang dilaksanakan di SPA, semua urusan yang dijalankan di bawah tanggungjawab SPA perlu diurus dan didokumentasikan secara sistematik. Kejayaan boleh dicapai melalui pelaksanaan Sistem Pengurusan Kualiti yang memberi tumpuan kepada peningkatan secara berterusan melalui kecekapan dan keberkesanan prestasi yang ditetapkan melalui pencapaian objektif kualiti dengan mengambil kira kepuasan hati pelanggan. Sehubungan itu, keperluan dokumentasi merupakan aspek yang penting bagi menilai sistem dan proses kerja yang dijalankan sebagai bukti bagi memenuhi objektif kualiti yang ditetapkan. Dokumen Sistem Pengurusan Kualiti yang dimaksudkan perlu mengandungi:

- (i) Pernyataan Dasar Kualiti dan Objektif Kualiti SPA;
- (ii) Manual Kualiti;
- (iii) Prosedur-prosedur yang perlu didokumenkan mengikut urusan di SPA berdasarkan standard antarabangsa ini;
- (iv) Dokumen-dokumen yang diperlukan oleh SPA bagi memastikan perancangan, operasi dan kawalan ke atas proses dijalankan dengan berkesan; dan
- (v) Rekod-rekod yang diperlukan oleh standard antarabangsa.

### **Prinsip-Prinsip MS ISO 9001:2008**

Pengurusan Sistem Kualiti adalah berlandaskan kepada lapan (8) prinsip standard ISO 9001, di mana ia diuruskan dengan menggunakan kaedah perancangan strategik yang dipandu arah dan dilaksanakan oleh pengurusan atasan dalam sesebuah organisasi seperti SPA. Prinsip-prinsip yang dimaksudkan adalah seperti yang berikut:

- Prinsip 1 - Tumpuan Kepada Pelanggan
- Prinsip 2 - Kepimpinan
- Prinsip 3 - Penglibatan Anggota Organisasi
- Prinsip 4 - Pendekatan Proses
- Prinsip 5 - Pengurusan yang Mengamalkan Pendekatan Sistem
- Prinsip 6 - Penambahbaikan secara Berterusan
- Prinsip 7 - Pendekatan membuat Keputusan Berasaskan Fakta
- Prinsip 8 - Hubungan dengan Pembekal untuk Faedah Bersama

### **Kepentingan ISO**

- Mencapai kualiti perkhidmatan yang konsisten berdasarkan keperluan antarabangsa
- Mempraktikkan pengamalan budaya kerja yang teratur dan sistematik
- Menjamin penambahbaikan serta kepuasan kepada pelanggan
- Diiktiraf di peringkat antarabangsa sebagai sebuah organisasi yang diurus dengan baik

### **Badan Pensijilan**

SPA telah melantik Syarikat Moody International Certification (Malaysia) Sdn. Bhd. bagi tujuan pensijilan Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO 9001:2008.

# BAJET



**Pusat Temu Duga SPA Alor Setar, Kedah**  
Wisma Persekutuan Alor Setar  
Aras 8, Jalan Kampung Baru  
05000 Alor Setar  
Kedah




## BAJET

### PERBELANJAAN MENGURUS TAHUN 2011

#### Peruntukan Tanggungan

Di bawah maksud Tanggungan (T09), Suruhanjaya telah diluluskan peruntukan berjumlah RM7,731,600.00. Berdasarkan peruntukan ini, sebanyak RM3,550,00.00 untuk Emolumen; RM3,316,900.00 untuk Perkhidmatan dan Bekalan dan RM864,700.00 untuk Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap. Peruntukan yang telah dibelanjakan sehingga tarikh akaun awam tahun 2011 ditutup ialah RM5,316,601.40 atau 68.76%. Peruntukan Tanggungan bagi tahun 2011 adalah seperti Carta 6.


**CARTA 6**  
Peruntukan Tanggungan Tahun 2011



## Peruntukan Bekalan

Di bawah Maksud Bekalan (B05), Suruhanjaya telah diperuntukkan sebanyak RM50,630,000.00. Daripada jumlah itu sebanyak RM17,415,700.00 untuk Emolumen; RM31,692,517.00 untuk Perkhidmatan dan Bekalan; dan RM1,272,224.00 untuk Aset Pemberian dan RM249,559.00 untuk Kenaan Bayaran Tetap. Perbelanjaan sebenar sehingga tarikh penutupan Akaun Awam adalah sebanyak RM44,212,911.31 atau 87.33%. Peruntukan Bekalan bagi tahun 2011 adalah seperti Carta 7.

**CARTA 7**  
Peruntukan Bekalan Tahun 2011



- Emolumen
- Perkhidmatan dan Bekalan
- Aset
- Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap

799 rakyat Perlis isi jawatan SPA

UM 13-04-2011 ms.28

KANGAR 12 April - Seramai 35,801 daripada 1.6 juta calon yang mengemukakan permohonan pekerjaan dengan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) terdiri daripada rakyat negeri ini pada tahun lalu.

Setiasah SPA, Datuk Lamien Sawwo berkata, bagi tempoh 1 Januari hingga 31 Disember 2010 itu, seramai 799 orang lulus temu duga dan dilantik oleh SPA untuk mengisi pelbagai jawatan ditawarkan.

"In cukup membrangsangkan, malah menunjukkan bahawa calon

dati Perlis antara yang berkualiti untuk diterima bekerja di bawah SPA," kata beliau.

Beliau berkata demikian pada Karnival Kerjaya SPA yang diarahkan oleh Menteri Besar, Datuk Seri Dr. Mat Isa Sabtu di Dewan Warisan, di sini, hari ini.

Turut hadir Pegawai Kewangan Negeri, Romli Dair; Mufti Negeri Perlis, Dr. Juanda Jaya dan Yang Dipertua Majlis Perbandaran Kangar, Rosley Mat.

Mengenal karnival berkenaan, kata Lamien, SPA sentiasa melak-

sanakan tanggung membantu penduduk bagi mendapat mengenai suruhanjaya. Khususnya melibat. Sehubungan itu memberi tumpuan kumpulan sasar jawatan berdaftar. P terutama mereka sahkan atau diberi serta kementerian, rajuan negeri Melaka, bilan, Pulau Pinang



湖民事務服務面試中心

(本报湖廿日訊) 马来西亚民事服务委员会斗湖一站式面试中心，今天由该会主席丹斯里嘉瑪魯汀亲自主持揭幕启用。

在致词时，他说民事服务委员会面试中心的创立，是为了提供方便和舒适的环境予沙巴的面试者。民事服务委员会面试中心希望能以顾客为先及拉近各州民事服务委员会的服务，目的是一致强调一个马来西亚。民事服务委员会面试中心的地点和位置相信能让沙巴人带来方便，特别是斗湖的居民。

他代表民事服务委员会衷心感谢斗湖联合部门的帮助，才能建立这面试中心的房间和其他需要。无论如何，其他也了解各部门所面对的问题和困难比如：开会和其他任务等等。

他向出席的来宾说，民事服务委员会在面试里扮演很重要的角色。民事服务委员在面试过程里会着重面试者的内涵和素质。在任务方面，则将确保面试者拥有足够的条件和表现，来填补政府部门的空缺需求。

同时，民事服务委员会也负责确保聘请过程可以达到公平和公正，不论参与者是什么种族背景、宗教团体、州属和政治立场。全国各阶层放了很大的寄托于民事服务委员会，他们更希望民事服务委员会能保持信誉来确保挑选更好的人选，民事服务委员会会把握机会给予那些要为国家服务的人民。民事服务委员会在筛选过程里面的责任不小。

嘉瑪魯汀主持開幕

因为公平、公正和效率需要平衡以满足参与者，各个改变和改革事件已经实践。例如：通过「My recruitment」面试的新方法，申请者会经过最初的过程，考试、评估资格和面试。这个新方式是由首相拿督斯里纳吉推荐，除了能凸显参与者超越成绩之余，还能选出最佳的人选。

除了斗湖的面试中心，民事服务委员会也在山打根建立一间面试中心，并且拥有一样的设备。

他说，面试中心不只是用来面试，同时也装备了其他服务。比如：电脑设备是用来方便其他人用网际网络来报名参加。在二零零九年民事服务委员会接受一百五十二万七千零七十的申请表格。然而，二零一零年共有一百六十六万一千六百八十七名人士报名参加。据资料，二零零九年和二零一零年，有五万七千五百六十六人和四万四千三百四十八人进入中央政府部门。

在二零零九年，沙巴的子弟们有三万三千三百零一人被召面试，当中有四千五百九十八人当选。更值得一提的是，其中的三百八十八人是来自斗湖。在二零一零年，沙巴的子弟们有二万四千一百六十六人被召面试，当中有三千五百八十七人当选政府职位，其中有三百零二人是斗湖人。



Jamaludin (right) giving his speech during the opening of the centre. DAILY EXPRESS 21-01-2011

PSC opens centre in Tawau

TAWAU: The Public Service Commission (PSC) opened an interview centre here. Lahad Datu, Semporna and Kunak.

PSC Chairman Tan Sri Ahmad Damanhuri said the centre able to cater to the needs of bet 100 candidates at a time.

"The PSC wants to give the people by making this inter one-stop facility to channel infor clients," he said when opening Ba Zhong Commercial Centre, h The PSC also has such cen

Baru, Kuantan, Ipoh, Johor Baru, Alor Setar and Sandakan. Last year, there were 1.66 million applica-

SPAM tingkat kualiti perkhidmatan

Wujudkan kata laluan kepada pemohon yang berdaftar

NORSEHA SULEIMAN

JOHOR BAHRU - Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia (SPAM) bakal meningkatkan mutu perkhidmatannya selaras dengan kemajuan teknologi maklumat kini dengan menyediakan kata laluan kepada pemohon yang mendaftar dengan SPA.

Pegawai Bahagian Pengambilan, Ramli Abdul Aziz berkata, setiap calon yang mengisi jawatan untuk berkhidmat dalam perkhidmatan awam diberikan kata laluan peribadi supaya mereka boleh mengakses segala maklumat berkaitan diri mereka secara terus.

"Pemohon akan diberi kata laluan masing-masing dan mereka boleh mengemas kini maklumat peribadi mereka dengan sendiri dalam talian dengan mudah dan cepat.

"Pendekatan terbaru yang akan dilaksanakan tidak lama lagi akan melancarkan lagi proses permohonan yang dibuat oleh orang ramai di samping memberikan perkhidmatan terbaik kepada pelanggan," katanya kepada Sinar Harian ketika program Hari Khas SPA Bersama Pelanggan bertempat di Atrium Plaza Kotaraya, di sini, semalam.

Sementara itu, beliau berkata, tujuan program yang diadakan selama satu hari itu memberi peluang kepada masyarakat untuk mendapatkan pendedahan



Ramli (kiri) menerangkan peranan SPA sebagai peneraju perkhidmatan awam kepada pelajar program tersebut, semalam.

belum ini boleh hadir ke kaunter kami untuk menyemak status permohonan dan apa sahaja kesulitan yang dihadapi boleh dibincangkan secara terus dengan pihak kami supaya perkara tersebut dapat diselesaikan dengan baik," katanya kepada Sinar Harian.

Beliau berkata, permohonan sesuatu jawatan yang dibuat akan melalui pelbagai peringkat tapisan bergantung kepada jumlah permohonan yang diterima manakala permohonan tersebut adalah terbuka sepanjang tahun berdasarkan kekosongan jawatan

yang ditawarkan. "Setelah melalui tapisan pada peringkat tertentu, maka senarai pendek yang dibuat adalah bagi mereka yang layak mengambil peperiksaan secara bertulis kepada skim jawatan yang memerlukan peperiksaan."

"Setelah calon berjaya melepasi sesi peperiksaan bertulis yang berbentuk objektif berkaitan pengetahuan am, kefahaman bahasa dan juga daya menyelesaikan masalah, maka mereka akan layak ke peringkat seterusnya iaitu Programme Assessment Centre (PAC) yang berbentuk

penilaian. Kata deni pe adalah n pihak SP lon-peks nyumbang terbaik ke kepada i pihak SP geru ma jika berla maklum pun ma lain agah masalah an surat-

# SPA tawar latihan separa perubatan

**KUALA LUMPUR:** Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia (SPA) menawarkan 13 latihan separa perubatan bertaraf Diploma dan

wai dan kakitangan sedang berkhidmat perlu berusia tidak melebihi 51 tahun.

“Bagaimanapun, keutamaan diberikan kepada lesen Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), yang diumumkan masa lalu.

biasiswa sepanjang pengajian,” katanya.

Lamien berkata, selepas berjaya menamatkan latihan, pelatih dijamin pekerjaan tetap dan ditempatkan di hospital atau klinik kesihatan kerajaan di Semenanjung, Sabah dan Sarawak.

## 3,587 Sabahans successful in applying for posts with PSC

**TAWAU:** The Public Service Commission received about 1.7 million online applications last year from which, 3,587 of them succeeded in securing various posts.

And of the total number of successful applicants, 3,587 were Sabahans.

Commission chairman, Tan Sri Jamaluddin Ahmad Damanhuri, assured yesterday that they will always give a fair chance to all Malaysians to apply for posts regardless their race, religion, state of origin and political ideology.

In a comment for the process of introduction via p...

recruitment. Through the method, was introduced by the premier last year, all job applicants go through an initial screening examination, competency assessment and interview session.

He explained that through the process the commission gives overall assessment of a candidate and not just based on his academic qualifications. He said that the method would determine whether an applicant is suitable for a post applied.

He said this yesterday launch the PSC Inter-

Pelbagai peluang kerja ditawarkan kepada pengunjung

## 10,000 serbu Karnival Kerjaya SPA

Oleh **MOHAMMAD SHOFI MAT ISA** shofi@agron.com.my

**KUANTAN 4 Okt.** - Kira-kira 10,000 pengunjung hadir pada Karnival Kerjaya Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) yang diadakan selama dua hari bermula semalam di Pusat Keronowayan Antaralangka Sultan Ahmad Shah (SASOC) di sini.

Karnival dari pukul 9 pagi hingga 5 petang itu dianjurkan sempena Persidangan Suruhanjaya-Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Ke-14 bermula semalam dan akan berakhir Khamis ini.

Pegawai Perhubungan Awam

SPA, Radziah Mohd sebanyak 21 gerai awam dibuka berturut-turut di Duria Malaysia (Pusat Perhubungan dan atalasan Maritim ritim Malaysia).

“Kesemua telah dibuat akan memulakan kerja memulakan RM, Angkatan 1

(ATM), Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran (SPP) dan SPA Pahang memulakan kemudi.

“Terdapat dua kaunter permohonan pekerjaan secara atas talian disediakan iaitu SPA8 yang merupakan permohonan melalui SPA dan kaunter Job Malaysia yang merupakan permohonan menerusi Jabatan Tenaga Kerja (JTK).” katanya

Radziah berkata, selain menyediakan peluang pekerjaan, pihak pengatur turut menjenjang pelajar, penuntut institusi pengajian tinggi awam (IPTA) dan swasta (IPTS) ut-



Utusan Malaysia (5 Oktober 2011) Muka surat 24

Star (4 Oktober 2011) Muka surat 32

## Stay out of politics, Ruler tells civil servants

**KUANTAN:** The Sultan of Pahang has reminded civil servants not to take sides with any political party and focus instead on carrying out their duties.

Sultan Ahmad Shah said a professional civil servant would know how to implement policies determined by the Government.

“I do not want to see civil servants’ work politicised as this will cause inconvenience to the people and slow down the implementation of development programmes,” he said at the opening ceremony of the 14th Public Service Commissions Conference here.

The Sultan added that civil servants should be committed and uphold the aspirations of the Government.

He urged government departments to review the suitability of their work processes

in line with changing times.

“Consumers today are well-versed in information technology. If government departments continue with their old methods without keeping up, other organisations might take over their roles,” he said.

Public Service Commission chairman Tan Sri Jamaluddin Ahmad Damanhuri said the conference’s theme “Dynamic Public Service is the Drive to Excellence” was in line with its commitment to improve public service.

“The commissions have to be dynamic by understanding their changing surroundings and challenges to reach excellence,” he said.

A Public Service Career Carnival is being held in conjunction with the conference at the Sultan Ahmad Shah International Convention Centre until today.



Let's focus: Sultan Ahmad Shah looking at an exhibition during the conference in Kuantan. - Bernama



马鲁丁

## 新國公僕公認最佳模範 大馬須學習榜樣

(关丹6日讯) 政府首席秘书斯里莫哈末西迪说, 新加坡公务员是公认为最佳模范, 身居邻居的大马, 必须向新加坡学习, 并矢志要以新加坡作榜样, 做得比它更好。

他说, 在遴选新公务员时, 须吸纳愿意付出的新人, 从而提高国家政府办事效率。经验丰富的公务员也应正确指导新人, 让他们汲取正确的资

讯。他强调, 公务员扮演著非常重要的角色, 甚至足以影响国家收入及印象。

“有鉴于此, 政府在遴选公务员时必须保持谨慎, 公务员则须与时俱进, 最重要的是做好本份。”

他今早为第14届公共服务委员会全国会议主持闭幕时, 如是说。

# PROGRAM INOVASI DAN KREATIVITI



**Pusat Temu Duga SPA Tawau, Sabah**  
TB 4496, Lot 21, Blok C,  
BA ZHONG Commercial Centre,  
Jalan Tawau Lama,  
91000 Tawau, Sabah



## HARI INOVASI SPA 2011

Hari Inovasi SPA 2011 telah diadakan pada 28 Oktober 2011 bertempat di Dewan 2 dan 3, Putrajaya International Convention Centre (PICC), Putrajaya. Majlis telah dirasmikan oleh Pengerusi SPA, YBhg. Tan Sri Jamaluddin bin Hj. Ahmad Damanhuri bertemakan "Inovasi Pemacu Kecemerlangan". Di antara acara sambutan Hari Inovasi ialah penyampaian hadiah kepada pemenang program yang diadakan sempena Sambutan Bulan Kemerdekaan dan Hari Malaysia 2011, Anugerah Pejabat Terbaik 2011 dan Anugerah KIK SPA 2011. Manakala bagi Anugerah Khas Inovasi SPA 2011 telah dimenangi oleh Bahagian Perkhidmatan. Sesi ceramah Hari Inovasi turut diadakan dan disampaikan oleh YBhg. Datuk Dr. Maznah Hamid, Pengerusi Eksekutif Kumpulan Securiforce.

### Konvensyen Kumpulan Inovasi dan Kreatif (KIK)

Konvensyen Kumpulan Inovasi dan Kreatif (KIK) SPA 2011 telah diadakan pada 13 Oktober 2011 bertempat di Dewan Auditorium Jabatan Perdana Menteri, Kompleks B, Putrajaya. Sebanyak 9 kumpulan telah bertanding mewakili bahagian masing-masing. Keputusan pertandingan adalah seperti berikut:

Johan : Kumpulan MERPATI (Bahagian Perkhidmatan)  
Naib Johan : Kumpulan CITRA (Bahagian Peperiksaan)  
Ketiga : Kumpulan PIXELL (Bahagian Pengurusan Maklumat)



Kumpulan MERPATI (Bahagian Perkhidmatan)



Kumpulan CITRA (Bahagian Peperiksaan)



Kumpulan PIXELL (Bahagian Pengurusan Maklumat)

### Pertandingan Pejabat Terbaik SPA 2011

Pertandingan Pejabat Terbaik SPA 2011 diadakan untuk Di antara kriteria-kriteria yang diambil kira semasa sesi penilaian adalah seperti kebersihan pejabat, susun atur, keceriaan dan pematuhan kepada peraturan-peraturan yang berkuatkuasa.

- Johan : Bahagian Urus Setia Cawangan Sabah
- Naib Johan : Bahagian Pengurusan Maklumat
- Ketiga : Bahagian Perkhidmatan



Pemenang Pertandingan Pejabat Terbaik diwakili oleh Setiausaha Bahagian Urus Setia SPA Cawangan Sabah, Bahagian Pengurusan Maklumat dan Bahagian Perkhidmatan

## PELANCARAN MINDA CHALLENGE

YBhg. Dato' Lamien Sawiyo telah melancarkan Minda Challenge bermatlamat untuk memupuk minat serta menggalakkan warga SPA mengemukakan cadangan idea yang kreatif dan inovatif terhadap penambahbaikan urusan kerja di SPA. Pelancaran tersebut diadakan bersempena Majlis Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) peringkat SPA yang diadakan di Auditorium Jabatan Perdana Menteri pada 13 Oktober 2011.



Kumpulan PIXELL (Bahagian Pengurusan Maklumat)



YBhg. Tan Sri Jamaluddin Bin Hj Ahmad Damanhuri dan YBhg. Dato' Lamien Bin Sawiyo bersama pemenang-pemenang Minda Challenge

## **KURSUS PROTOKOL DAN ETIKET SOSIAL**

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia telah mengadakan Kursus Protokol dan Etiket Sosial pada 19 Disember 2011. Kursus ini diadakan bertujuan memberi pendedahan kepada warga SPA tentang tata cara makan dan penampilan diri di majlis-majlis rasmi, pengenalan kepada protokol dan etiket sosial, penampilan diri dan imej sebagai pegawai awam, perancangan dan pengendalian majlis, peranan penyambut tetamu, peranan pengacara majlis dan para petugas, dan pelaksanaan pengurusan majlis. Penceramah jemputan bagi kursus ini adalah Puan Siti Meriam Hussein dari Institut Penyiaran Tun Abdul Razak (IPTAR) dan Encik Sophian Ab Rahman dari Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).



Penceramah jemputan, Puan Siti Meriam Hussein sedang mengajar tatacara makan di majlis rasmi

## **KURSUS PEMERIKSAAN FIZIKAL, PANCAINDERA DAN KECERGASAN**

SPA telah menganjurkan Kursus Pemeriksaan Fizikal, Pancaindera Dan Kecergasan di Hotel Selesa Beach Resort, Port Dickson, Negeri Sembilan pada 20 hingga 22 Disember 2011. Kursus selama 3 hari ini telah dihadiri seramai 45 orang peserta terdiri daripada pegawai-pegawai SPA, Jabatan Imigresen Malaysia, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi Dan Kepenggunaan dan Jabatan Penjara Malaysia. Majlis perasmian penutup dan penyampaian sijil telah disempurnakan oleh Setiausaha SPA, YBhg. Dato' Lamien Sawiyo.



YBhg. Dato' Lamien Sawiyo meyampaikan sijil penyertaan kepada salah seorang peserta kursus

## PROGRAM SEMPENA SAMBUTAN BULAN KEMERDEKAAN DAN HARI MALAYSIA 2011

### Ceramah Kemerdekaan Sambutan Hari Kemerdekaan Ke-54

Sempena menyambut Hari kemerdekaan yang ke-54, SPA telah menganjurkan satu ceramah kemerdekaan pada 28 Ogos 2011 di Dewan Temu Duga SPA. Ceramah Kemerdekaan bertajuk, "Semangat Cintakan Negara di kalangan Penjawat Awam" telah disampaikan oleh Profesor Madya Dr. Shaharuddin Badaruddin dari Universiti Teknologi MARA (UiTM).



Profesor Madya Dr. Shaharuddin Badaruddin sedang menyampaikan ceramah kemerdekaan kepada Warga SPA

## Pertandingan Berbalas Pantun Antara Bahagian

Pertandingan Berbalas Pantun Antara Bahagian telah diadakan pada 30 September 2011 bertempat di Dewan Temu Duga, Aras 6 (Peringkat Akhir) dan Bilik Mesyuarat Suruhanjaya Aras 10 (Peringkat Saringan). Sebanyak 3 bahagian telah mengambil bahagian iaitu Bahagian Pengurusan, Naik Pangkat dan Tatatertib dan Pengurusan Maklumat. Keputusan pertandingan adalah seperti berikut:

Johan : Bahagian Naik Pangkat dan Tatatertib  
Naib Johan : Bahagian Pengurusan

Pemantun Terbaik : Puan Maznida binti Mahadi (Bahagian Naik Pangkat dan Tatatertib)



YBhg. Dato' Lamien Bin Sawiyo bergambar bersama pengadil dan peserta Pertandingan Berbalas Pantun SPA 2011



Peserta daripada Bahagian Naik Pangkat dan Tatatertib sedang menjual pantun kepada pihak lawan

## Pertandingan Penulisan Cerpen

SPA telah mengadakan Pertandingan Penulisan Cerpen bertemakan “Perayaan dan Kemerdekaan” bermula pada 18 Ogos 2011 dan berakhir pada 26 September 2011. Sebanyak 7 penyertaan telah diterima dan keputusan pertandingan adalah seperti berikut:

Johan : Puan Hazwaani binti Abdul Halim (Bahagian Naik Pangkat dan Tatatertib)  
Naib Johan : Puan Maznida binti Mahadi (Bahagian Naik Pangkat dan Tatatertib)  
Ketiga : Encik Alexious bin Gidin (SPA Cawangan Sabah)



YBhg. Tan Sri Jamaluddin Bin Hj Ahmad Damanhuri dan YBhg. Dato' Lamien Bin Sawiyo bersama pemenang-pemenang Pertandingan menulis cerpen

## Pertandingan Deklamasi Sajak

Pada 23 September 2011, SPA telah mengadakan Pertandingan Deklamasi Sajak bertempat di Anjung Ilham. Seramai 11 peserta telah mengambil bahagian di dalam pertandingan ini. Keputusan pertandingan adalah seperti berikut:

Johan : Puan Maznida binti Mahadi (Bahagian Naik Pangkat dan Tatatertib)  
Naib Johan : Puan Maifuza binti Abdul Malik (Bahagian Naik Pangkat dan Tatatertib)  
Ketiga : Encik Muhammad Faizal bin Kamsani (Bahagian Pengurusan)



YBhg. Dato' Lamien Bin Sawiyo bersama pengadil dan barisan peserta Pertandingan Deklamasi Sajak SPA 2011



Salah seorang peserta Pertandingan Deklamasi Sajak SPA

### Pertandingan Talenime SPA 2011

Pada 29 Oktober 2011, SPA telah menganjurkan Pertandingan Talenime SPA 2011 bertempat di Auditorium Jabatan Perdana Menteri (JPM). Pertandingan Talenime pada tahun ini mempertandingkan kategori duet / berkumpulan. Para peserta diadili oleh dua orang Juri Profesional, Encik Mohd. Asnawi Bin Mutaal, Penolong Ketua Pengarah/ Pemimpin Orkestra RTM dan Encik Eddie Kismilardy Bin Kamas Masud, Ahli Muzik Kanan Orkestra RTM. Keputusan pertandingan adalah seperti berikut:

**Johan** : Putera Mohd Fahidz Mohd Fadzri (Bahagian Pengambilan) dan Shahir Abdul Rashid (Bahagian Pengambilan Khas)

**Naib Johan** : Muhammad Rery Martinaz Muhammad Ali (Bahagian Pengambilan), Azri Alwan Nordin (Bahagian Pengambilan) dan Mohammad Effizul Ramli (Bahagian Peperiksaan)

**Ketiga** : Nur Syazwanie Mohamed dan Nur Asyiqin Mohamed Farid (Bahagian Perkhidmatan)

**Persembahan Terbaik** : Muhammad Faizal Kamsani (Bahagian Pengurusan dan Asyura Yusof (Urus Setia Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan)



Pemenang-pemenang Pertandingan Talenime SPA 2011

## **PROGRAM HARI KHAS SPA BERSAMA PELANGGAN**

Pada tahun 2011, Suruhanjaya telah berjaya melaksanakan program Hari Khas SPA Bersama Pelanggan seperti yang dijadualkan di Putrajaya dan di luar Putrajaya. Pelaksanaan program di negeri-negeri juga dapat dilaksanakan dengan lancar seperti yang dirancang tertakluk kepada kesesuaian tarikh dan masa kerajaan negeri berkenaan. Suruhanjaya telah mendapat kerjasama yang baik daripada kerajaan negeri di mana program dilaksanakan khususnya daripada segi persiapan, logistik dan juga jemputan.

Pada tahun 2011, Hari Khas SPA Bersama Pelanggan di luar pejabat telah diadakan seperti berikut:

- Pusat Temu duga SPA Jalan Cenderasari, Kuala Lumpur;
- Atrium Plaza Kotaraya Johor Bahru, Johor;
- Dewan Warisan Kangar, Perlis;
- Pancarona, Presint 18, Putrajaya; dan
